



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

PENDIDIKAN KHAS

TINGKATAN 3





# **RUKUN NEGARA**

## **Bahawasanya Negara Kita Malaysia**

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

# BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

PENDIDIKAN KHAS

TINGKATAN 3

**PENULIS**

ASMAH BINTI ABDUL HAMID  
NORHANI BINTI ABDUL KARIM

**EDITOR**

HASNAH BINTI AHMAD NADZAR  
NOOR ROZA BINTI HASSAN

**PEREKA BENTUK**

NOR SHAZILA BINTI ISMAIL

**ILUSTRATOR**

NUBHAN BIN ABDUL RAHMAN  
SUNG YEW FOOK



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2018



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0116

KK 499-221-0102011-49-2090-20101  
ISBN 978-983-49-2090-6

Cetakan Pertama 2018  
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2018

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk  
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-2147 9000 (8 talian)  
No. Faksimile: 03-2147 9643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
ISQ Publishing Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:  
Elpos Print Sdn. Bhd.,  
No. 6 & 8, Jalan P/9A,  
Kawasan Perindustrian Seksyen 13,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

# PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat (PMS), Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat (PMS), Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera (NSK), Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.
- Majlis Sukan Negara (MSN).
- SMKA Segamat, Johor.
- SMK Abdul Jalil, Hulu Langat, Selangor.
- SMK Bandar Tenggara, Johor.
- SMK Desa Nanding, Hulu Langat, Selangor.
- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd.
- PROTON Holdings Berhad.
- Persatuan Silambam Daerah Sepang.
- Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

# KANDUNGAN

Pendahuluan	vi
Panduan Ikon	viii

## **TEMA 1 KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN 1**

Unit 1	Penampilan Diri	2
Unit 2	Sayangi Diri	7
Unit 3	Bersih, Sihat dan Selamat	13
Jom Berkomunikasi		19

## **TEMA 2 KERETA NASIONAL 21**

Unit 4	Hebatnya Malaysia	22
Unit 5	Ayah dan Kereta	27
Unit 6	Kereta Idaman	33
Jom Berkomunikasi		39

## **TEMA 3 REKREASI DAN RIADAH 41**

Unit 7	Rekreasi Air	42
Unit 8	Kem Wira Jaya	47
Unit 9	Gaya Hidup Sihat	53
Jom Berkomunikasi		59

## **TEMA 4 KHIDMAT MASYARAKAT 61**

Unit 10	Kami Prihatin	62
Unit 11	Masyarakat Penyayang	67
Unit 12	Bagai Aur dengan Tebing	73
Jom Berkomunikasi		79

## **TEMA 5 LAWATAN SAMBIL BELAJAR 81**

Unit 13	Perusahaan Kecil dan Sederhana	82
Unit 14	Keluarga Angkatku	87
Unit 15	Pengalaman dalam Kenangan	93
Jom Berkomunikasi		99





## **TEMA 6 BARANGAN BUATAN MALAYSIA 101**

Unit 16	Produk Tempatan	102
Unit 17	Barangan Berkualiti	107
Unit 18	Pilihan Bijak	113
Jom Berkomunikasi		119

## **TEMA 7 WARISAN BANGSA 121**

Unit 19	Permainan Tradisional	122
Unit 20	Makanan dan Pakaian	127
Unit 21	Kraf Tangan Warisan	133
Jom Berkomunikasi		139

## **TEMA 8 HARI KEUSAHAWANAN 141**

Unit 22	Hari Kantin Sekolah	142
Unit 23	Seronoknya Berniaga	147
Unit 24	Usahawan Jaya	153
Jom Berkomunikasi		159

## **TEMA 9 SENI MEMPERTAHANKAN DIRI 161**

Unit 25	Seni Silat	162
Unit 26	Silambam	167
Unit 27	Wusyu	173
Jom Berkomunikasi		179

Glosari		181
Senarai Rujukan		183
Indeks		184

# PENDAHULUAN

Buku Teks *Bahasa Melayu Komunikasi Pendidikan Khas Tingkatan 3* ini ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) Bahasa Melayu Komunikasi Tingkatan 3 yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kandungan bahan pengajaran dan pembelajaran menekankan tiga kemahiran utama yang perlu dikuasai, iaitu Kemahiran Mendengar dan Bertutur/Melihat, Mengecam dan Mengisyarat, Kemahiran Membaca/Mengisyarat dan Kemahiran Menulis. Setiap kemahiran disusun berdasarkan pemeringkatan yang perlu dikuasai oleh Murid Berkeperluan Khas (MBK) berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Komunikasi KSSMPK Tingkatan 3.

Buku ini memuatkan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai jenis teks, aktiviti, latihan dan bahan grafik yang menepati tema dan standard pembelajaran. Terdapat sembilan tema, iaitu Kebersihan dan Keselamatan, Kereta Nasional, Rekreasi dan Riadah, Khidmat Masyarakat, Lawatan Sambil Belajar, Barangan Buatan Malaysia, Warisan Bangsa, Hari Keusahawanan dan Seni Mempertahankan Diri. Setiap tema dibahagikan kepada beberapa unit untuk memudahkan murid menguasai standard pembelajaran. Pemilihan topik disesuaikan dengan tahap perkembangan intelektual murid sekali gus memberikan asas yang kukuh kepada murid dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Komunikasi.

Penulisan buku ini disusun menggunakan pendekatan modular untuk membolehkan penggabungjalinan ilmu dan kemahiran bagi meningkatkan kemahiran komunikasi dan kecekapan berbahasa dalam kalangan murid. Idea yang disampaikan juga dapat membantu guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dengan berfokus kepada konsep Bahasa Melayu Komunikasi yang spesifik.

Buku ini menggunakan kaedah penceritaan melalui watak yang dipilih melibatkan murid pelbagai kaum di seluruh Malaysia. Pemilihan aktiviti dan latihan berdasarkan Pembelajaran Abad ke-21 dengan menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kemahiran berfikir murid turut diperluas melalui pelbagai pendekatan, antaranya peta pemikiran, penyelesaian masalah dan pemerolehan maklumat. *Quick Response Code* (QR Code) atau Kod Carian Pantas digunakan untuk mengimbas maklumat tambahan melalui aplikasi telefon pintar *Quick Response Reader* (QR Reader). Glosari, indeks dan senarai rujukan juga disediakan pada bahagian akhir buku teks ini.



Selain itu, Elemen Merentas Kurikulum seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), Kreativiti dan Inovasi, Patriotisme dan Keusahawanan turut diterapkan secara langsung atau tidak langsung dalam buku teks ini. Menerusi buku ini, penulis mencadangkan pendekatan belajar melalui permainan, pembelajaran pengalaman, pembelajaran berasaskan projek dan multisensori bagi meningkatkan minat dan keseronokan belajar.

Akhir kata, penulis berharap agar buku ini dapat mencetuskan idea dan minda yang kreatif kepada MBK serta membantu penguasaan dan pemahaman dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Seterusnya, menjadi sumber maklumat dan saluran penyampaian ilmu bagi merealisasikan keperluan kurikulum dan pentaksiran untuk kegunaan murid dan guru.

Asmah binti Abdul Hamid  
Norhani binti Abdul Karim

# PANDUAN IKON



## **Mendengar dan Bertutur**

Melibatkan keupayaan murid mendengar, melihat dan mengecam, berbual dan berbincang untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat.



## **Menulis**

Memfokuskan keupayaan murid menulis perkataan, rangkai kata dan ayat serta melahirkan idea melalui pelbagai bentuk penulisan.



## **Jom Berkomunikasi**

Memberikan galakan kepada murid supaya berkomunikasi dengan baiknya.



## **Standard Pembelajaran**

Mengandungi nombor standard pembelajaran.



## **Kod Carian Pantas atau Quick Response Code (QR Code)**

Maklumat tambahan yang perlu diimbas dengan telefon pintar.



## **Membaca**

Memfokuskan keupayaan murid membaca secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul serta dapat membaca pelbagai bahan.



## **Aktiviti**

Murid perlu melakukan aktiviti berdasarkan kemahiran.



## **Penilaian**

Bertujuan untuk menilai kefahaman murid terhadap kandungan tema.



## **Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)**

Menunjukkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.



## **Kamus Mini**

Memberikan makna sesuatu perkataan.

# TEMA 1

## KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN

*Rakyat Bersih, Negara Sehat.*





Mendengar dan Bertutur

TEMA

1

### Pakaian Seragam Sekolah

Cikgu Asrul meminta murid-murid Tingkatan Tiga Wira, Sekolah Menengah Kebangsaan Harmoni mematuhi etika pemakaian seragam sekolah yang telah ditetapkan.



Tanda nama

Baju kemeja putih

Tali leher sekolah

Tali pinggang

Baju kurung putih

Kain berwarna biru laut

Kasut putih



Lencana sekolah

Pinafor

Seluar sekolah

Stoking



#### Aktiviti

Sebutkan perkataan dan rangkai kata dengan betulnya.



# Pakaian Seragam Pengakap



Fayyadh dan Raihana menjadi anggota pengakap. Mereka memakai pakaian seragam lengkap pada setiap hari Rabu.



- 1 Topi pengakap
- 2 Lencana topi
- 3 Tudung kelabu
- 4 Wogel
- 5 Tanda nama
- 6 Lencana Malaysia
- 7 Lencana keanggotaan
- 8 Skaf rasmi
- 9 Tali pinggang rasmi
- 10 Kasut hitam



## Aktiviti

Senaraikan lima jenis lencana kemajuan pengakap.



Membaca secara mekanis/berisyarat dengan betul.



# Pengawas Sekolah

Ganesh telah dilantik menjadi pengawas sekolah. Ibunya telah membeli pakaian rasmi pengawas. Cikgu Asrul meminta Ganesh mengisi borang biodata pengawas sekolah.

## Borang Biodata Pengawas Sekolah Tahun \_\_\_\_\_

- |                        |  |
|------------------------|--|
| 1. Nama: _____         | 6. Nama bapa: _____                      |
| 2. Jantina: _____      | 7. Pekerjaan: _____                      |
| 3. Tarikh lahir: _____ | 8. Nama ibu: _____                       |
| 4. Tingkatan: _____    | 9. Pekerjaan: _____                      |
| 5. Alamat rumah: _____ | 10. Jawatan pernah disandang di sekolah: |
| _____                  | i. _____                                 |
| _____                  | ii. _____                                |
| _____                  | iii. _____                               |

### II. Aku janji

Bahawasanya saya, \_\_\_\_\_ berikrar dan berjanji, akan menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, demi menjaga nama baik sekolah ini. Saya juga akan mematuhi segala peraturan sekolah dan mengamalkannya pada setiap masa. Sesungguhnya saya faham, jika saya didapati melanggar peraturan sekolah serta tidak menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baiknya, saya boleh dikenakan tindakan disiplin sehingga menyebabkan pemecatan saya sebagai pengawas sekolah.

.....  
Tandatangan pengawas

.....  
Tarikh

### PENGESAHAN IBU BAPA/PENJAGA

.....  
Tandatangan ibu bapa/penjaga

.....  
Tarikh



## Aktiviti


Salin maklumat diri anda dalam buku latihan.

Menyalin semula maklumat diri ke dalam pelbagai bahan.



# Penilaian I

A. Labelkan pakaian seragam di bawah.



B. Banding beza gambar di bawah.

TEMA

1

1




2



3



4







### Mendengar dan Bertutur



IMBAS SAYA

## Pakaian di Bengkel

Kita hendaklah memakai pakaian yang sesuai dengan aktiviti yang dijalankan.



### Aktiviti

Sebutkan maklumat yang terdapat dalam QR Code.



1.1.2

Mendengar dan menyatakan semula maklumat yang diterima dalam pelbagai ujaran harian.



# Utamakan Keselamatan

Cikgu Fatimah sentiasa mengingatkan muridnya supaya mematuhi peraturan semasa berada di dalam bengkel.

TEMA

1



## Keselamatan Diri


- Pakai pakaian yang sesuai.
- Pakai kasut yang sesuai.
- Jangan bermain, bergurau dan berlari.
- Basuh tangan sebelum dan selepas melakukan aktiviti.
- Laporkan **kemalangan** yang berlaku dengan kadar segera.



## Keselamatan Fizikal

- Patuhi **peraturan bengkel**.
- **Dilarang** membawa beg ke dalam bengkel.
- Jangan ubah **kedudukan** alatan di dalam bengkel.
- Bersihkan bengkel selepas digunakan.
- Tutup semua suis selepas digunakan.





## Keselamatan Alatan

- **Simpan alatan** di tempat yang selamat.
- Gunakan alatan dengan berhati-hati.
- Bersihkan alatan selepas digunakan.
- **Laporkan** kerosakan dan kehilangan alatan kepada guru.
- **Rekodkan** penggunaan dan pemulangan alatan.



### Aktiviti

1. Berikan maksud perkataan dan rangkai kata yang berhuruf tebal.
2. Senaraikan alatan keselamatan yang terdapat di sekolah anda.



# Borang Pinjaman Alatan

Cikgu Chitra meminta Atirah mengambil alatan jahitan untuk projek jahitan kreatif. Sebelum itu, Atirah diberikan borang pinjaman alatan. Dia mengisi borang tersebut dengan lengkapnya.



**SMK Harmoni, Petaling Jaya, Selangor.**

Nama: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Masa: \_\_\_\_\_

Bil.	Nama Alatan	Jumlah

Lokasi penggunaan alatan: \_\_\_\_\_

Tandatangan peminjam: \_\_\_\_\_ Tandatangan guru: \_\_\_\_\_  
 ( \_\_\_\_\_ ) ( \_\_\_\_\_ )

Tarikh pemulangan alatan: \_\_\_\_\_

Tandatangan peminjam: \_\_\_\_\_ Tandatangan guru: \_\_\_\_\_  
 ( \_\_\_\_\_ ) ( \_\_\_\_\_ )



## Aktiviti

Lengkapkan borang pinjaman alatan.



## Penilaian 2

A. Tandakan  bagi pernyataan yang betul dan  pada pernyataan yang salah.

1. Cuci tangan sebelum melakukan aktiviti.
2. Pakai perhiasan dan barang kemas.
3. Rambut murid lelaki hendaklah dipotong pendek.
4. Gunakan alatan elektrik dengan cara yang betul.
5. Pakai selipar semasa melakukan aktiviti di dalam bengkel.
6. Segera laporkan kemalangan yang berlaku kepada guru.
7. Tutup tingkap dan pintu semasa berada di dalam bengkel.
8. Letakkan alatan dan bahan yang telah digunakan ke tempat asal.
9. Pakai pakaian yang sesuai dengan aktiviti yang dijalankan.
10. Minta bantuan rakan anda sekiranya berlaku kecederaan di dalam bengkel.

B. Pada pendapat anda, mengapakah murid perlu memakai pakaian yang sesuai semasa berkebun?



TEMA

1






### Mendengar dan Bertutur

## Kebersihan Diri



IMBAS SAYA

Semua guru sangat prihatin akan penampilan diri muridnya. Mereka akan memastikan semua murid menjaga kebersihan diri dan pakaian.



### Aktiviti

Sebutkan ujaran yang terdapat dalam QR Code, kemudian lakonkan.

Mendengar, membina dan menyebut ujaran mengikut konteks.



## Pesan Ibu

Dengarkan anakku ibu berperi  
Jadikan pedoman membentuk peribadi  
Bangun pagi-pagi bersihkan diri  
Gosok gigi dan terus mandi.

Pakai baju bersih dan kemas  
Rambut disisir nampak rapi  
Pergi ke sekolah janganlah malas  
Ilmu dituntut sepenuh hati.

Sarapan dahulu sebelum ke sekolah  
Supaya badan tidak lemah  
Sampai ke sekolah sebelum tujuh setengah  
Masuk ke kelas jangan berlengah.

Guru mengajar berikan tumpuan  
Patuhi nasihat dan arahan  
Perkara yang baik dijadikan panduan  
Supaya hidupmu dalam keberkatan.

Nukilan,  
*Asmah Abdul Hamid*



### Aktiviti

Berikan pengajaran yang terdapat dalam puisi di atas.





## Menulis

# Catatan Harianku

Arif bijak mengurus masa. Setiap hari, dia mengutamakan aspek kebersihan, keselamatan dan penjagaan kesihatan.



6:15 pagi



6:30 pagi



6:45 pagi



7:15 pagi

TEMA  
1

Nama saya \_\_\_\_\_. Saya berumur \_\_\_\_\_ tahun. Saya belajar di tingkatan \_\_\_\_\_ di Sekolah \_\_\_\_\_.

Setiap hari, saya bangun pada pukul \_\_\_\_\_ pagi. Saya \_\_\_\_\_ dan gosok gigi. Selepas mandi, saya bersiap untuk ke sekolah. Saya memakai pakaian seragam sekolah.

Kemudian, saya \_\_\_\_\_ dahulu sebelum ke sekolah. Saya menaiki bas pada pukul 7:00 pagi. Saya tiba di sekolah pada pukul \_\_\_\_\_.

Saya balik dari sekolah pada pukul 1:00 tengah hari. Saya sampai di rumah pada pukul 1:15 tengah hari. Saya makan tengah hari bersama-sama dengan keluarga saya pada pukul 1:30 tengah hari. Pada sebelah petang, saya membuat ulang kaji di rumah. Saya juga membantu ibu membuat kerja rumah seperti mencuci pinggan mangkuk.



## Aktiviti

1. Tulis maklumat di atas dalam bentuk peta pemikiran.
2. Berdasarkan pengalaman anda, tulis aktiviti-aktiviti yang dilakukan pada hujung minggu.



Menulis dengan melengkapkan maklumat diri dan ayat dalam pelbagai bahan dengan betul dan tepat.



# Penilaian 3

A. Kenal pasti amalan baik dalam permainan di bawah. Bincangkan dalam kumpulan. Sila imbas QR Code untuk mendapatkan peraturan permainan dam ular.

















TEMA  
1

Tamat

100	99	98	97	96
81	82	83	84	85
80	79	78	77	76
61	62	63	64	65
60	59	58	57	56
41	42	43	44	45
40	39	38	37	36
21	22	23	24	25
20	19	18	17	16
Mula 1	2	3	4	5

Mula

95	94	93 	92	91 
86 	87	88 	89	90 
75 	74	73	72	71 
66	67	68 	69	70
55	54 	53	52	51
46	47	48	49	50 
35	34	33	32	31 
26	27 	28	29 	30
15	14	13 	12	11
6	7	8	9	10

B. Bina ayat yang lengkap dengan berpandukan gambar di bawah.




1

bangun awal – bersiap ke sekolah




2

patuhi peraturan sekolah



3

berhati-hati – selamat



4

utamakan keselamatan



### Aktiviti

Nyatakan nilai murni yang terdapat dalam gambar.



## Jom Berkomunikasi

A. Permainan kotak beracun.

Sediakan kad gambar seperti yang di bawah:



### Peraturan permainan:

1. Ikut cara permainan kotak beracun.
2. Terdapat enam soalan berbentuk gambar. Murid perlu berbincang dengan rakan untuk menjawab soalan.
  - i. Mengapakah kita perlu memakai pakaian yang sesuai di bengkel?
  - ii. Apakah alatan yang terdapat dalam gambar?
  - iii. Apakah yang perlu dilakukan sebelum meninggalkan bengkel jahitan?
  - iv. Terangkan cara menjaga kebersihan di bilik masakan.
  - v. Bagaimanakah cara menggunakan suis elektrik dengan betulnya?
  - vi. Mengapakah kita perlu menjaga kebersihan taman?

- Guru boleh mengubah suai aktiviti dan gambar.

B. Bincangkan aktiviti di bawah dengan rakan anda.



# TEMA 2

## KERETA NASIONAL

*“Kita mengadakan Perusahaan Otomobil Nasional Berhad bukan untuk membuat kereta semata-mata. Ia melambangkan kita sebagai bangsa yang bermaruah, bangsa yang sanggup menghadapi cabaran, bangsa yang apabila jatuh akan bangun semula dan mengatasi sebarang rintangan dan akan berjaya.”*

**Dr. Mahathir Mohamad**  
**Perdana Menteri Malaysia Keempat**  
**Perasmian Kereta Nasional**  
**1 September 1985**



Mendengar dan Bertutur


TEMA

2

### Pameran Kereta

Cikgu Zulfadli telah membawa muridnya ke ruang pameran kereta Proton.

Apakah keistimewaan kereta Malaysia?



Aktiviti

Bincangkan tentang pembuatan kereta Proton.



Saya berpendapat, harga kereta Malaysia lebih berpatutan berbanding dengan kereta luar negara.

Reka bentuknya juga menarik.

Mutu kereta Malaysia setanding dengan kereta luar negara.





## Perusahaan Otomobil Nasional

Perusahaan Otomobil Nasional atau singkatannya Proton ialah syarikat pengeluar kereta yang pertama di Malaysia. Proton ditubuhkan pada 7 Mei 1983 dan beroperasi di Shah Alam, Selangor. Jadual 1 menunjukkan model kereta Proton dalam industri automotif negara.

Kejayaan Proton menghasilkan model kereta berteknologi tinggi bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi telah berjaya memasarkan produk pengeluarannya ke luar negara. Proton Iriz tampil dengan rekaan yang menawan, teknologi yang penuh inovatif dan ciri-ciri kejuruteraan yang berkualiti tinggi. Kereta ini dilengkapi dengan pelbagai elemen keselamatan yang sangat diperlukan masa kini seperti Kawalan Kestabilan Elektronik (ESC), Sistem Brek Antikunci (ABS), Pengagihan Daya Brek Elektronik (EBD), Kawalan Cengkaman, Bantuan Brek, *Hill Hold Assist* dan Sistem Amaran Tali Pinggang Keselamatan (SBR).

**Sudah terang lagi bersuluh**, produk buatan tempatan ini mendapat tempat di hati warganegara asing. Mereka berpendapat bahawa kereta Proton ialah kenderaan yang berkualiti dan selesa. Proton juga mempunyai prestasi yang baik dan setanding dengan jenama kenderaan dari negara lain.

Jadual 1: Model Kereta Proton dalam Industri Automotif Negara.

Tahun	1985	1992	1993	1994	2000	2004	2007	2011	2014	2017
Model	Proton Saga	Proton Iswara	Proton Wira	Proton Satria	Proton Waja	Proton Gen-2	Proton Persona	Proton Preve	Proton Iriz	Proton Ertiga

(Sumber: <https://protoncar.wordpress.com>)

Baca petikan dan jawab soalan di bawah.

1. Bilakah syarikat Proton ditubuhkan?
2. Mengapakah warganegara asing tertarik untuk membeli kereta keluaran Proton?
3. Berikan maksud ungkapan **sudah terang lagi bersuluh**.
4. Ciri-ciri keselamatan adalah antara kriteria pemilihan pembeli kenderaan. Bincangkan.





# Menulis

# Kereta Malaysia

Lengkapkan teka silang kata di bawah.



TEMA  
2

The crossword puzzle grid consists of pink squares. The numbers are placed in the starting squares of the words:

- 1: 1 row, 5 columns
- 2: 1 row, 3 columns
- 3: 1 row, 2 columns
- 4: 1 row, 4 columns
- 5: 1 row, 2 columns
- 6: 1 row, 5 columns
- 7: 1 row, 1 column
- 8: 1 row, 6 columns
- 9: 1 row, 6 columns
- 10: 1 row, 1 column

Senaraikan nama kereta mengikut syarikat pengeluar kereta.

Proton	Perodua



## Penilaian 4

Namakan model-model kereta Perodua di bawah.

1



2



3



4



5



6



TEMA

2



Mendengar dan Bertutur

Kereta Ayah

Ayahku beli kereta baharu  
Proton Saga warna biru.

Kereta ayah kereta nasional  
Jenama Malaysia sungguh terkenal.

Ayah pandu kereta begitu cermat  
Supaya perjalanan akan selamat.

Kereta ayah kereta serba guna  
Ayah bawa penumpang ke mana-mana.

Ayah sayang keretanya sepenuh hati  
Kereta dijaga dengan teliti.

Kereta ayah sungguh selesa  
Kepada kami sangat berjasa.



Puisi terbahagi kepada dua jenis:

Puisi Melayu tradisional	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pantun.</li> <li>• Syair.</li> <li>• <b>Gurindam.</b></li> <li>• Talibun.</li> <li>• Mantera.</li> </ul>
Puisi Melayu moden	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sajak.</li> </ul>



Aktiviti

Apakah ciri-ciri keselamatan kereta ayah? Bincangkan.



Mendengar/melihat dan menyatakan maklumat dengan sebutan/isyarat yang betul dan tepat daripada pelbagai sumber.



## Membaca

Baca dan fahami teks.

# Bengkel Kereta Ayah

TEMA


2

Ayah Arif, Tuan Mat seorang mekanik. Dia memiliki sebuah bengkel membaiki kereta di Klang, Selangor. Antara perkhidmatan yang ditawarkan termasuklah penyelenggaraan enjin, perkhidmatan tayar dan bateri, membaiki pendingin hawa kenderaan, membaiki kenderaan dan sebagainya. Tuan Mat dibantu oleh beberapa orang mekanik yang berpengalaman. Mereka memiliki sijil kemahiran yang diiktiraf dalam bidang automotif.



Pekerja sedang melakukan pemeriksaan kenderaan.

Arif bercita-cita menjadi seorang mekanik. Oleh itu, sebagai permulaan, Tuan Mat menunjukkan komponen kereta kepada Arif.



### Aktiviti

1. Berikan pandangan anda tentang cita-cita Arif.
2. Bagaimanakah Arif boleh mencapai cita-citanya? Bincangkan.





Menulis

## Mencuci Kereta Ayah

TEMA

2

Pada hari minggu yang lalu, Arif membantu ayahnya mencuci kereta.



### Aktiviti

Tulis ayat menggunakan kata nama yang diberikan.



KAMUSMINI

Kata nama

kata yang merujuk kepada manusia, binatang, benda, tempat, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya secara umum.



Selepas mencuci bahagian luar kereta, Arif membersihkan bahagian dalam kereta pula.



### Aktiviti

1. Tulis langkah-langkah membersihkan bahagian dalam kereta berdasarkan gambar di atas.
2. Bincangkan perbezaan mencuci kereta secara manual dengan secara automatik.



Menulis menggunakan golongan kata bagi membina ayat.



## Penilaian 5

Zara mengikut bapanya ke bengkel kereta ayah Arif. Tuan Mat memeriksa kereta bapa Zara dengan cermatnya.

TEMA

2

### Lampu dan Lampu Isyarat

Periksa lampu dan lampu isyarat. Tukar mentol jika terbakar.

### Tayar

Pastikan tekanan angin semua tayar mencukupi. Tukar tayar yang rosak.

### Getah Pengelap Cermin

Tukar getah pengelap cermin yang telah rosak.

### Minyak Enjin

Pastikan minyak enjin mencukupi, dan tiada kebocoran.

### Bateri

Periksa air bateri. Tambah jika tidak mencukupi.

### Cecair Penyejuk

Tambah cecair penyejuk enjin jika tidak mencukupi.

### Sistem Brek

Periksa sistem brek. Gantikan jika sudah rosak.



## Aktiviti

Mengapakah kenderaan perlu diselenggarakan secara berkala?



### Mendengar dan Bertutur

## Kereta Pilihan

Kebanyakan orang mempunyai impian untuk memiliki kereta idaman. Mereka juga mempunyai pendapat tentang kereta idaman masing-masing. Mari kita dengar pendapat mereka.



“Kereta idaman saya ialah kereta yang mudah dikendalikan. Saya memilih kereta jenis automatik kerana kereta ini mudah dipandu, terutama ketika jalan sesak.”

- Puan Nurul, suri rumah.

“Saya memerlukan kereta yang besar. Kereta tersebut harus mempunyai ruang belakang yang luas supaya boleh memuatkan barang-barang perniagaan saya. Selain itu, biarlah kereta yang jimat minyak.”

- Encik Azhar, peniaga.



### Aktiviti

Pada pendapat anda, mengapakah Puan Nurul memilih kereta automatik?



Mendengar dan menyampaikan mesej/idea dengan sebutan dan intonasi/ isyarat yang betul dari pelbagai sumber.





## Kereta Ikon Rakyat Malaysia

Encik Kamarul mengajak anaknya, Hakim pergi ke bilik pameran kereta Perodua. Kehadiran mereka disambut oleh Puan Nora, jurujual kereta Perodua yang peramah. Beliau memberikan risalah kereta Myvi kepada Encik Kamarul.



**TEMPAHLAH  
DI BILIK PAMERAN  
PERODUA**

### Senarai Harga Perodua Myvi

Model	MYVI 1.3L G		MYVI 1.3L X	MYVI 1.5L H	MYVI 1.5L AV
Transmisi	Manual	Automatik	Automatik	Automatik	Automatik
Warna	Solid/Metalik		Solid/Metalik	Solid/Metalik	Solid/Metalik
Harga Semenanjung Malaysia	RM42,790.00	RM44,590.00	RM46,590.00	RM50,290.00	RM54,090.00
Sabah dan Sarawak	RM44,790.00	RM46,590.00	RM58,590.00	RM52,290.00	RM56,090.00

Nota: Tidak termasuk insurans.

## Perbandingan Variasi

### Perbezaan daripada I.5 H

I.5 AV



Kamera belakang.

Tempat duduk kulit.

### Perbezaan daripada I.3 X

I.5 H



Enam beg udara.

Kad tol

Binaan dalaman bacaan tol.

### Perbezaan daripada I.3 G

I.3 X



Sistem audio dengan USB, Bluetooth dan Mikrofon.

Pengecas USB (tempat duduk pemandu).

I.3 G



Sistem audio dengan USB.

Tempat duduk fabrik.



## Aktiviti

Berpandukan maklumat di atas:

- i) Pilih kereta idaman anda.
- ii) Terangkan ciri-ciri kereta tersebut.
- iii) Mengapakah anda memilih kereta tersebut?

Membaca dengan lancar untuk meluaskan perbendaharaan kata.

2.2.1



## Kereta Pelbagai Guna

Malaysia telah berjaya mengeluarkan pelbagai jenis model kereta. Setiap kereta mempunyai keistimewaan masing-masing. Proton Arena dilancarkan pada tahun 2002. Proton Arena satu-satunya kenderaan yang berkonsepkan pikap.



### Aktiviti

Tulis ayat yang gramatis berkaitan dengan kereta Proton Arena.

Perodua Rusa ialah kereta pilihan peniaga.



Proton Exora ialah kenderaan yang selesa untuk seisi keluarga.



Perodua Kembara sesuai untuk aktiviti lasak.





## Penilaian 6

Berdasarkan carta di bawah, cari maklumat tentang negara-negara yang mengimport kereta buatan Malaysia.

TEMA

2



Mesir



Brunei



Australia



Indonesia

(Sumber: [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my))





## Jom Berkomunikasi

A. Baca dan fahami dialog di bawah. Berikan pendapat anda tentang sukan permotoran di Malaysia.

Haziq, Jia Sheng, Raj dan Zikri sedang berbincang tentang tugas projek buku skrap.

Haziq: Saya rasa kita perlu menambah maklumat tentang kereta nasional. Mungkin ada lagi maklumat yang boleh kita masukkan dalam projek buku skrap ini.

Raj: Saya rasa kita boleh masukkan sukan permotoran yang melibatkan pelumba kereta negara. Saya terbaca tentang Alex Yoong dalam majalah sukan.

Jia Sheng: Bolehkah kamu terangkan sedikit tentang maklumat tersebut? Saya rasa, boleh kita berkongsi maklumat ini dengan rakan-rakan yang lain nanti.

Raj: Alex Yoong ialah rakyat Malaysia pertama yang pernah beraksi dalam sukan lumba kereta Formula 1. Beliau memulakan karier sebagai pelumba kereta ketika berusia 16 tahun. Alex Yoong memenangi perlumbaan pertamanya dalam pertandingan Formula Asia International di Zhuhai, China pada tahun 1994.

Zikri: Ayah saya pernah bercerita tentang Karamjit Singh. Beliau ialah juara dunia dalam sukan permotoran. Beliau menjadi juara kejohanan Rally Asia Pasific (APRC) dan juara Kejohanan Rali Dunia bagi Kereta Pengeluaran 2002 (PWRC). Beliau juga menjuarai Kejohanan Rali Malaysia selama 10 tahun berturut-turut.

Jia Sheng: Wah, hebatnya Karamjit Singh! Tidak sangka beliau pemandu kereta bertaraf dunia.

Zikri: Bukan itu sahaja, lebih membanggakan rakyat Malaysia apabila beliau memandu kereta nasional dalam setiap pertandingan yang disertai. Beliau pernah memandu Proton Wira 4WD dan kereta Proton Satria Neo CPS R3.

Haziq: Wah, memang hebat! Saya pasti rakyat Malaysia sangat berbangga dengan kejayaan beliau.

B. Bincangkan ciri-ciri kereta nasional yang digunakan dalam sukan permotoran negara.



# TEMA 3

## REKREASI DAN RIADAH

*Terbang undan melintas sawah,  
Sarung ketupat di bakul rotan;  
Rekreasi dan riadah jalin ukhuwah,  
Selain dapat menjaga kesehatan.*



### Mendengar dan Bertutur

TEMA

3

## Berkayak

Berkayak ialah aktiviti yang memerlukan seseorang mengemudikan kayak di atas permukaan air dengan mengaplikasikan kaedah dan teknik yang paling mudah digunakan. Aktiviti ini merupakan satu aktiviti yang menyeronokkan, mencabar kemampuan dan ketahanan fizikal serta mental seseorang.

Antara objektif berkayak termasuklah:

1. Memupuk semangat kerjasama dan sikap bantu-membantu dalam kalangan murid.
2. Memberikan pengalaman, kemahiran dan latihan untuk murid mengendalikan kayak dengan betul.
3. Meningkatkan daya tahan fizikal, mental, emosi, rohani dan sosial melalui program yang diatur.

### Aktiviti Berkayak



### Aktiviti

Bincangkan maklumat yang diperdengarkan.



# Sukan Regata

**SARAWAK**, 8 November - Regata ialah aktiviti sukan air yang amat popular dan merupakan acara tahunan di Sarawak. Menurut sejarah, sukan regata ini bermula pada tahun 1872. Perlumbaan regata masih diteruskan sehingga kini.

Bagi yang belum pernah menyaksikan Regata Sarawak, pasti akan tertanya-tanya cara sukan lumba perahu ini dikendalikan. Dalam perlumbaan ini, mempunyai sebuah pasukan yang mantap belum menjamin sebarang kemenangan. Setiap anggota perlu mempunyai semangat juang yang tinggi untuk mengalahkan lawan dan memfokuskan minda untuk bergelar juara.

Sukan regata amat digemari pada masa ini. Penyertaan dalam pertandingan sukan air ini melibatkan dua kategori, iaitu kategori tempatan dan antarabangsa. Pelbagai manfaat dapat diperolehi daripada sukan ini. Antara manfaatnya termasuklah dapat membina kekuatan fizikal seseorang dan menguji kesabaran diri. Selain itu, sukan regata ini juga dapat memupuk semangat berpasukan. Contohnya, bekerjasama dalam pasukan untuk mencapai kemenangan. Walaupun sukan regata agak mencabar, namun sukan ini sangat menyeronokkan.

(Diubah suai daripada [ww1.utusan.com.my](http://ww1.utusan.com.my))

Berdasarkan petikan, jawab soalan pemahaman di bawah.

- Apakah jenis sukan air yang terkenal di Sarawak?
  - rakit
  - regata
- Berikan maksud perkataan popular.
  - terkenal
  - saingan
- Bilakah sukan regata di Sarawak bermula?
  - 1872
  - 1827
- Berikan manfaat yang diperolehi daripada sukan regata.
  - Memupuk semangat berpasukan.
  - Sukan ini amat digemari oleh masyarakat.



Lengkapkan jadual berdasarkan tayangan yang diberikan.

Alatan	Fungsi
kayak	
jaket keselamatan	
pendayung	
kaca mata	
sarung tangan	



# Penilaian 7

A. Berpandukan gambar, cari perkataan.



TEMA  
3

k	a	y	a	k	p	l	s	t	j	b	j	z	a	s
a	s	a	o	a	m	t	a	i	a	r	a	y	b	x
c	a	x	w	s	z	j	r	o	k	s	c	x	m	k
a	r	p	y	u	x	z	l	m	e	t	v	c	n	d
m	u	e	g	t	c	x	m	k	t	u	i	q	x	z
a	n	n	k	c	v	c	n	d	k	v	r	n	p	o
t	g	d	c	y	n	v	o	k	e	w	k	x	p	b
a	t	a	v	k	o	m	p	a	s	x	b	z	w	i
q	a	y	b	x	p	b	e	c	e	y	n	p	r	n
w	n	u	n	z	w	i	s	e	l	z	s	i	k	e
e	g	n	q	j	j	z	a	h	a	w	p	a	y	b
r	a	g	y	k	y	w	s	j	m	i	q	n	u	n
t	n	g	f	l	q	x	z	k	a	o	w	g	n	q
y	k	d	p	r	n	p	o	e	t	u	r	a	g	y
t	o	p	i	k	e	s	e	l	a	m	a	t	a	n
k	c	y	i	j	a	m	t	a	n	g	a	n	k	e

1. wisel \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_
7. \_\_\_\_\_
9. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
6. \_\_\_\_\_
8. \_\_\_\_\_
10. \_\_\_\_\_

B. Kenal pasti gambar dan labelkan.

TEMA

3



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_



### Aktiviti

Ceritakan aktiviti rekreasi air berdasarkan gambar.





Mendengar dan Bertutur



Aktiviti Pengakap

Setiap hari Rabu, sekolah saya akan mengadakan aktiviti pengakap. Cikgu Razi telah memberikan tugas kepada kami. Pasukan kami akan pergi berkhemah ke Gunung Pulai, Johor selama tiga hari dua malam. Setiap peserta dikehendaki membawa peralatan keperluan asas perkhemahan.

Senarai Keperluan

1.	7.
2.	8.
3.	9.
4.	10.
5.	11.
6.	12.



Aktiviti

Secara berkumpulan, senaraikan peralatan keperluan asas berkhemah. Wakil setiap kumpulan akan membentangkan hasil perbincangan.



1.3.3

Memberikan pandangan yang rasional dalam perbincangan.



## Kem Motivasi

Pada hari Ahad yang lalu, Hanif pergi ke rumah Ikram. Hanif ingin mengetahui pengalaman Ikram mengikuti kem motivasi.

Hanif: Apa khabar, Ikram?

Ikram: Khabar baik, Hanif.

Hanif: Bagaimanakah kem motivasi dan waja diri minggu lepas, seronok?

Ikram: Oh, memang menyeronokkan! Banyak pengalaman yang telah saya peroleh ketika menyertai kem tersebut.

Hanif: Pada bulan hadapan, saya akan menyertai kem motivasi dan waja diri di Lenggeng, Negeri Sembilan. Apakah persiapan yang mesti saya buat?

Ikram: Awak perlu membawa pakaian yang sesuai semasa menghadiri seminar, solat dan beriadah.

Hanif: Selain pakaian, apakah lagi kelengkapan yang perlu saya bawa?

Ikram: Bawa juga alat tulis, peralatan mandi dan selimut.

Hanif: Apakah perkara lain yang perlu saya ketahui sebelum pergi ke kem motivasi?

Ikram: Keselamatan ialah perkara yang sangat penting. Ketika mengikuti kem motivasi, perlulah sentiasa mematuhi arahan yang diberikan oleh guru.

Hanif: Terima kasih, Ikram. Maklumat yang awak berikan banyak membantu saya.

Ikram: Sama-sama.



### Aktiviti

Baca petikan di atas. Nyatakan kelebihan menyertai kem motivasi.



# Aktiviti Pengakap

Perkemahan Unit Beruniform Pengakap Daerah telah diadakan pada minggu lalu. Pelbagai aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya.



memasang khemah



istiadat pagi



latihan ikatan



persediaan pengakap



malam kebudayaan



ikhtiar hidup

Bina ayat berdasarkan gambar.

1. Semua ahli pengakap memasang khemah mengikut kumpulan masing-masing.

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

4. \_\_\_\_\_

5. \_\_\_\_\_

6. \_\_\_\_\_



## Penilaian 8

A. Senaraikan nilai yang boleh diterapkan dalam aktiviti berkawad.

TEMA

3



1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_

B. Baca ikrar dengan intonasi yang betul.

## Persetiaan Pengakap



IMBAS SAYA



TEMA  
3

Bahawa dengan sesungguhnya, saya berjanji dan bersetia, yang saya dengan seberapa daya upaya saya, akan;-

Taat kepada Tuhan, Raja dan Negara,  
Menolong orang pada setiap masa,  
Menurut Undang-undang Pengakap.



(Sumber: Persekutuan Pengakap Malaysia)



### Aktiviti

Nyanyikan lagu pengakap dengan mengimbas *QR Code* yang disediakan.

C. Bincangkan dan berikan pendapat anda tentang kelebihan menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah.

TEMA

3





### Mendengar dan Bertutur

## Senamrobik

Senamrobik adalah antara aktiviti riadah yang menyenangkan kerana diiringi dengan muzik. Selain itu, senamrobik banyak memberikan kebaikan pada kesihatan.



### Aktiviti

1. Guru dan murid melakukan simulasi senamrobik ringkas.
2. Bincangkan kebaikan senamrobik untuk kesihatan anda.

Memberikan pandangan yang rasional dalam perbincangan.



Membaca



# 10,000

TEMA

3

## Langkah Sehari

**PENDAFTARAN PERCUMA**

**Tarikh:** 14 Mei 20□□

**Masa:** 8:00 pagi – 3:00 petang

**Tempat:** Dataran Nilai, Negeri Sembilan

### Atur Cara Majlis

- 6:30 pagi: Pendaftaran peserta
- 7:00 pagi: Ketibaan tetamu jemputan
- 7:15 pagi: Ucapan perasmian dan pelancaran
- 7:30 pagi: Senamrobik
- 8:00 pagi: Perlepasan peserta
- 9:30 pagi: Jamuan ringan
- 10:00 pagi: Melawat ke tapak pameran

*1000 orang peserta terawal yang mendaftar akan diberikan baju-T percuma*

Untuk maklumat pendaftaran, sila hubungi Encik Amirul bin Amir (Bahagian Penedaran)  
06-2122 40880



Baca dan jawab soalan di bawah.

**Program 10:00 pagi - 3:00 petang**

- Pameran *MySihat*
- Pameran oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan
- Pemeriksaan kesihatan percuma
- Peraduan mewarna

1. Bilakah program *MySihat* dijalankan?

---

---

2. Di manakah program ini diadakan?

---

---

3. Berapakah jumlah peserta yang akan menerima baju-T secara percuma?

---

---

4. Pada pendapat anda, mengapakah program *MySihat* ini dijadikan acara tahunan?

---

---



## Pentingnya

## Menjaga Kesehatan

keracunan

sakit

berat

cerdas

galian

badan

kebersihan

piramid

senaman

Bersenam boleh menyihatkan tubuh badan. Senaman tiga kali seminggu boleh menurunkan \_\_\_\_\_ badan. Apabila kerap bersenam, otak juga menjadi \_\_\_\_\_. Kelas Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah juga ada melakukan aktiviti \_\_\_\_\_.

Bersenam, bersukan dan beriadah amat penting kita amalkan. Selain itu, menjaga \_\_\_\_\_ diri sendiri juga menjadi keutamaan. Kita perlu memastikan rambut, gigi dan tubuh \_\_\_\_\_ kita sentiasa dalam keadaan bersih.

Tubuh badan yang tidak bersih sudah pasti mudah diinggapi pelbagai penyakit. Tangan yang tidak bersih pula menyebabkan kita mudah mengalami \_\_\_\_\_ makanan. Jika makanan yang kita pegang berkuman, akibatnya, kita akan \_\_\_\_\_ perut dan cirit-birit.

Kita juga perlu memakan makanan yang seimbang. Dalam hal ini, kita boleh menjadikan \_\_\_\_\_ makanan sebagai panduan. Makanan yang seimbang membantu kita mendapatkan zat dan garam \_\_\_\_\_ agar badan menjadi lebih sihat.



## Aktiviti

Lengkapkan ayat dengan perkataan yang sesuai.



## Penilaian 9


A. Mengapakah kita perlu menjaga kesihatan?  
Berikan pendapat anda berdasarkan gambar di bawah.



B. Sara dan keluarga akan berkelah di pantai Batu Payung. Bantu Sara dan ibunya menyediakan menu sihat yang sesuai untuk sarapan semasa berkelah.

TEMA

3



Menu 1

Menu 2

Menu 3



### Aktiviti

Berdasarkan piramid makanan, sediakan menu sihat untuk sajian tengah hari anda.



## Jom Berkomunikasi

A. Berdasarkan gambar, bincangkan perkara yang ditunjukkan.

PMR

20 HARI LAGI

TEMA  
3





Perkara	Sebab	Kesan	Langkah pencegahan
obesiti			
tekanan emosi			
sakit gigi			

B. Bincangkan kebaikan aktiviti riadah berikut.

TEMA

3



# TEMA 4

## KHIDMAT MASYARAKAT

*Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.*

*Bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat.*

*Alah bisa tegal biasa.*



Mendengar dan Bertutur

T  
E  
M  
A

4

## Hari Kesedaran Autisme Sedunia

**KUALA LUMPUR**, 22 April – Hari Kesedaran Autisme telah berlangsung dengan jayanya pada 21 April 20□□ di Auditorium Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hari Kesedaran Autisme tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Profesor Dr. Zaleha Abdullah Mahdy, Pengarah Pusat Perubatan UKM. Hari Kesedaran Autisme telah dihadiri oleh 171 orang peserta dari dalam negara. Peserta terdiri daripada pelbagai golongan, iaitu 60 peratus peserta ialah jururawat terlatih, 19 peratus ialah guru, manakala 16 peratus peserta ialah ibu bapa. Program ini dianjurkan oleh Pusat Perkembangan Kanak-kanak dan Unit Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja Pusat Perubatan UKM.

Bersempena dengan Hari Kesedaran Autisme ini, seminar dan pameran kesedaran autisme telah diadakan pada 21 April 20□□. Pameran ini telah disertai oleh badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan. Gerai-gerai pameran tentang autisme membolehkan orang awam mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan autisme. Pameran ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada orang awam tentang autisme.



Pameran ini telah mendapat sambutan yang baik daripada orang awam kerana diadakan di lobi utama blok klinikal Pusat Perubatan UKM. Pelbagai aktiviti dijalankan bagi tujuan menarik perhatian orang ramai berkunjung ke ruang pameran.



Maklum balas yang positif daripada peserta memberikan perangsang kepada pihak penganjur untuk mengadakan program yang lain pada masa akan datang. Keseluruhannya, dapatan daripada analisis borang maklum balas program adalah baik. Jalinan kerjasama dapat diwujudkan antara peserta, pengunjung dan penganjur pameran. Usaha ini dapat memudahkan kolaborasi dalam memantapkan perkhidmatan kepada kanak-kanak yang berkeperluan khas seperti autisme ini.



(Sumber: [www.ppukm.ukm.my/pediatrik](http://www.ppukm.ukm.my/pediatrik))



## Aktiviti

Berikan pandangan anda tentang aktiviti khidmat masyarakat bersempena dengan Hari Autisme Sedunia.



Memberikan pandangan yang rasional dalam perbincangan.



# PERMATA Kurnia

Pada 20 Jun yang lalu, anggota Badan Kebajikan dan Permuafakatan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Desa Pinggiran telah mengadakan program mesra ke Pusat PERMATA Kurnia Sentul, Kuala Lumpur. Seramai 33 orang termasuk ibu bapa, tiga orang guru pengiring dan 10 orang murid autisme telah mengikuti lawatan tersebut. Tepat pada pukul 7:30 pagi, kami bertolak menaiki bas dari sekolah ke Sentul, Kuala Lumpur.

Setibanya di sana, kami disambut mesra oleh pegawai intervensi yang bertugas di PERMATA Kurnia. Kami mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pengarah PERMATA Kurnia. Beliau memaklumkan bahawa matlamat utama penubuhan PERMATA Kurnia adalah untuk membimbing dan menyediakan kanak-kanak yang mengalami autisme ke sekolah aliran perdana. Antara objektif penubuhannya termasuklah usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap autisme. Pusat ini memberikan khidmat terapi dan pendidikan kepada kanak-kanak autisme. Kanak-kanak ini dididik agar dapat berdikari dan memberikan sumbangan kepada masyarakat.

Pusat ini juga menyediakan kemudahan dan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Pusat ini turut menyediakan latihan mendidik kanak-kanak autisme kepada guru. Ibu bapa turut diberikan tunjuk ajar tentang cara meningkatkan perkembangan anak-anak mereka. Perkhidmatan intervensi awal kepada kanak-kanak autisme disediakan untuk mengembangkan bakat dan potensi mereka.



## KAMUSMINI

PERMATA Kurnia

Program untuk memberi kanak-kanak permulaan kehidupan melalui pendidikan dan penjagaan awal yang berkualiti. Selain itu, program ini juga dapat mengenal pasti dan mendidik kepelbagaian bakat kanak-kanak ke arah potensi yang optimum.



## Aktiviti

Nyatakan perkhidmatan yang disediakan di Pusat PERMATA Kurnia.



## Menulis

Pelbagai aktiviti dilakukan oleh kanak-kanak autisme di PERMATA Kurnia. Kanak-kanak ini dibimbing oleh guru yang terlatih.



## Aktiviti

Bina ayat berdasarkan perkataan dan rangkai kata yang diberikan.

Menulis menggunakan golongan kata bagi membina ayat.




## Penilaian 10

Bina ayat berdasarkan gambar.

TEMA

4





### Mendengar dan Bertutur

## Sehari Bersamamu

Persatuan Penduduk Seri Desa Pinggiran akan mengadakan program Sehari Bersamamu. Emak Ah Wai, Puan Wong ialah anggota jawatankuasa Persatuan Penduduk Seri Desa Pinggiran. Beliau meminta anaknya mengedarkan risalah forum tersebut di sekolah.

### Program SEHARI BERSAMAMU

7:30 - 8:00 pagi:	Pendaftaran
8:00 - 8:30 pagi:	Taklimat daripada penganjur
8:30 - 10:00 pagi:	Gotong-royong
10:00 - 10:30 pagi:	Bengkel Cara Mengurus Emosi
11:30 pagi - 1:00 tengah hari:	Aktiviti Bersama Anak-anak Yatim <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peraduan mewarna</li> <li>• Persembahan koir</li> <li>• Permainan dalaman</li> </ul>
1:00 - 1:30 tengah hari:	Penyampaian Hadiah dan Sumbangan Kewangan



### Aktiviti

1. Sampaikan maklumat tentang program Sehari Bersamamu dengan sebutan yang betul.
2. Bincangkan atur cara program Sehari Bersamamu.



Mendengar dan menyampaikan mesej/idea dengan sebutan dan intonasi/isyarat yang betul daripada pelbagai sumber.



Persatuan Penduduk Seri Desa Pinggiran akan menganjurkan seminar kesihatan.

# Hapus Aedes Tiada Denggi



**Tarikh:**

2 Mac 20

**Tempat:**

**Auditorium Abdul Rafie,  
Kuala Lumpur.**

**Masa:**

9:00 pagi – 4:30 petang



**Ceramah 1:****Peranan dan Cabaran Masyarakat dalam Menangani Denggi****Ceramah 2:****Tanda-tanda Awal Demam Denggi****Ceramah 3:****Langkah Pencegahan****Orang ramai  
diundang hadir****Perasmi Majlis Penutupan:****Encik Hanif bin Ibrahim  
Pengerusi Persatuan Penduduk  
Seri Desa Pinggiran****Aktiviti**

Berikan pandangan anda tentang peranan masyarakat dalam membasmi denggi.



## Hala Tuju Murid Berkeperluan Khas

Forum yang dianjurkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Desa Pinggiran telah mengundang beberapa orang panel untuk membincangkan hala tuju Murid Berkeperluan Khas (MBK) selepas tamat persekolahan.





Apakah kursus yang ditawarkan?

Antara kursus yang ditawarkan termasuklah refleksologi, dandanan rambut, kulinari, bakeri, penyediaan makanan dan pembuatan pastri.

Terima kasih diucapkan kepada panel undangan kita pada hari ini. Semoga hal yang dibincangkan dapat memberikan panduan dan manfaat kepada kita semua.



### Aktiviti

Seandainya anda tidak berpeluang belajar di Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas ini, apakah yang akan anda lakukan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran yang anda minati? Tulis pendapat anda.





## Penilaian 11

Bina ayat dalam bentuk perenggan berdasarkan gambar.

TEMA  
4



**Pusat  
perlindungan  
warga emas,  
pesakit terlantar dan  
orang kurang upaya  
tiada waris**





### Mendengar dan Bertutur



IMBAS SAYA

## Bantuan Kebajikan Masyarakat

Jiran Haziq orang kurang upaya (OKU). Haziq pergi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mendapatkan maklumat tentang bantuan yang disediakan.

Pegawai JKM: Selamat pagi. Boleh saya bantu?

Haziq: Saya ingin mendapatkan maklumat tentang jenis bantuan untuk OKU yang ditawarkan oleh JKM.

Pegawai JKM: Pihak JKM menyediakan pelbagai jenis bantuan di bawah skim bantuan kepada OKU seperti geran pelancaran (GP), elaun pekerja cacat (EPC), bantuan alat tiruan dan bantuan penjagaan OKU yang terlantar atau sakit kronik. Encik boleh rujuk risalah atau imbas *QR Code* ini.

Haziq: Baiklah. Terima kasih, encik.

Pegawai JKM: Sama-sama.



### Aktiviti

Bincangkan jenis bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada orang kurang upaya (OKU).



Mengampaikan isi dan fakta tentang sesuatu perkara dengan betul dan jelas menggunakan ayat yang gramatis.



# Kehidupan Hazim

Hazim bekerja sebagai pembantu di kedai tukang jahit pakaian yang terkenal di bandar. Oleh sebab kesungguhan mempelajari kemahiran menjahit, dia dilantik sebagai tukang jahit di kedai jahit tersebut. Hazim lumpuh sebelah kaki akibat kemalangan.

Hazim berasa gembira kerana majikannya seorang yang bertimbang rasa, pemurah dan baik hati. Dia juga telah belajar menjahit pelbagai fesyen pakaian lelaki dan wanita. Banyak pengalaman yang ditimbanya semasa bekerja di situ.

Setelah beberapa tahun bekerja di kedai jahit tersebut, dia berhenti kerana ingin membuka perniagaan sendiri. Dengan berbekalkan wang simpanan dan bantuan geran pelancaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, dia telah membuka sebuah kedai jahit.

Hazim mendapat banyak tempahan daripada pelanggan. Jahitan yang kemas dan layanan yang mesra menambahkan lagi kejayaan perniagaannya. Kehidupan Hazim semakin senang. Namun, dia tidak lupa membantu orang yang susah. Kemewahan yang dicapainya kini adalah atas usaha yang tidak pernah mengenal erti putus asa.



## Aktiviti

Berdasarkan petikan, jawab soalan pemahaman berikut.

1. Apakah pekerjaan Hazim sebelum membuka kedainya sendiri?
2. Siapakah yang memberikan bantuan kepada Hazim untuk membuka kedai jahitnya?
3. Pada pendapat anda, mengapakah kedai jahit Hazim menjadi tumpuan pelanggan?



# Bantu Ibu

Swee Lin membantu ibunya menyediakan makanan untuk diberikan kepada sebuah rumah kebajikan.



1. Ah Wai mengelap meja makan sehingga \_\_\_\_\_.
2. Masakan Puan Chong sangat \_\_\_\_\_.
3. Ayah Ah Wai menolong membasuh pinggan \_\_\_\_\_ di sinki.
4. Puan Chong meminta anaknya, Swee Lim mengupas bawang \_\_\_\_\_.
5. Kakak Swee Lim memotong ikan menggunakan pisau \_\_\_\_\_.



## KAMUSMINI

Kata  
adjektif

perkataan yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu kata nama atau frasa nama. Kata adjektif juga dikenali sebagai kata sifat.



## Aktiviti

Isi tempat kosong dengan kata adjektif.

Menulis perkataan yang terdiri daripada golongan kata.



## Penilaian 12

A. Perihalkan gambar.

1

TEMA  
4




2



3



4



B. Tulis karangan berpandukan maklumat di bawah.

Pakaian

Makanan

Membersihkan  
kawasan banjir

**Bantuan  
Mangsa  
Banjir**

Menyediakan  
tempat  
tinggal

Bantuan  
kewangan

Ubat-ubatan

C. Bina ayat berdasarkan rangkai kata yang diberikan.



kenduri-kendara

2



memberikan sumbangan

3



mengagihkan makanan

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_





## Jom Berkomunikasi

A. Nyanyikan dan fahami lagu.

# Malam Senandung Kasih

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Desa Pinggiran telah mengadakan Malam Senandung Kasih pada minggu lalu. Pelbagai aktiviti dan persembahan diadakan pada malam itu. Sarah, Xe Yan dan Sharmila berbual-bual tentang aktiviti tersebut.

Sarah: Xe Yan, saya amat tertarik mendengar lagu yang dipersembahkan oleh kumpulan koir sekolah kita pada malam itu.

Xe Yan: Betul, Sarah. Lirik lagu itu amat menyentuh hati saya. Sharmila, awak ada lirik lagu itu?

Sharmila: Ada, ini lirik lagu *Dengarlah Rintihanku*.

### Dengarlah Rintihanku

Terima kasih ayah ibu  
Dengarlah rasa rintihanku  
Bukan kupinta hadirku  
Lahirnya begini oh ... oh ...  
Lahirnya begini.

Dengan wajah sayu dan sendu  
Kau reda kehadiranku  
Menjagaku tak kenal jemu  
Kasih ayah ibu oh ... oh ...  
Kasih ayah ibu.

Kau terima kekuranganku  
Dan kau tak pernah mengeluh  
Kerana kutahu akulah nyawamu oh ... selamanya  
Tak bertanggung rasa rindu  
Mendengar suaramu ibu  
Tawa usikmu menggamitku  
Dalam jiwaku oh ... oh ...  
Dalam jiwaku.



IMBAS SAYA

B. Bincangkan tugas di bawah.

## Kongsi Sepakat


### Tugasan kumpulan

Soalan: Apakah faedah bekerjasama?

TEMA  
4



Murid memberikan respons dan menulis idea masing-masing pada nota tampal.



Murid meletakkan nota tampal pada sekeping kertas yang lebih besar.

3



Wakil kumpulan akan membentangkan hasil idea mereka.

# TEMA 5

## LAWATAN SAMBIL BELAJAR

*Jauh Perjalanan, Luas Pemandangan.*

*Berburu di padang datar,  
Dapat rusa belang kaki;  
Berguru kepalang ajar,  
Bagai bunga kembang tak jadi.*

## Perusahaan Kecil dan Sederhana



Mendengar dan Bertutur

TEMA

5

### Apakah Perusahaan Kecil dan Sederhana?

**Pembuatan**

**Perkhidmatan dan sektor lain**

Jualan Tahunan:  
RM15 juta ≤ RM50 juta  
**ATAU**  
Pekerja: Dari 75 hingga ≤ 200

Jualan Tahunan:  
RM3 juta ≤ RM20 juta  
**ATAU**  
Pekerja: Dari 30 hingga ≤ 75

**Sederhana**

Jualan Tahunan:  
RM300,000 < RM50 juta  
**ATAU**  
Pekerja: Dari 5 hingga < 75

Jualan Tahunan:  
RM300,000 < RM3 juta  
**ATAU**  
Pekerja: Dari 5 hingga < 30

**Kecil**

Jualan Tahunan:  
< RM300,000  
**ATAU**  
Pekerja: < 5

Jualan Tahunan:  
< RM300,000  
**ATAU**  
Pekerja: < 5

**Mikro**

Petunjuk:

(Sumber: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my))

≤	lebih kecil daripada atau sama	≥	lebih besar daripada atau sama
<	lebih kecil daripada	>	lebih besar daripada




**Aktiviti**

Pada pendapat anda, mengapakah PKS tidak memerlukan pekerja yang banyak?



# Kegiatan PKS



Industri pembuatan kosmetik dan herba.




Industri berasaskan sumber.



Industri pemprosesan makanan.



Industri berasaskan plastik.



Industri komponen elektrik dan elektronik.



Industri berasaskan logam.



Kewujudan PKS telah memberikan peluang pekerjaan yang sangat luas kepada golongan yang berpendapatan rendah.

## Ciri-ciri PKS



### Ciri Umum Pekerja Sepenuh Masa

- Bilangan pekerja antara 75 – 200 orang.
- Bekerja sekurang-kurangnya enam jam sehari atau 120 jam sebulan.
- Termasuk pekerja asing dan kontrak.

(Sumber: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my))



## Menulis

Lazimnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di sesuatu tempat wujud disebabkan oleh bahan mentah yang terdapat di kawasan berkenaan.

### Industri Berasaskan Sumber

Labu sayong  
(Sayong, Perak)



Anyaman buluh  
(Keningau, Sabah)



Keropok lekor  
(Losong, Terengganu)



## Aktiviti

Pada pendapat anda, apakah jenis PKS yang sesuai diwujudkan di kawasan tempat tinggal anda? Tulis cadangan anda.



Menulis pelbagai ayat yang gramatis.



## Penilaian 13

Apakah ciri-ciri yang perlu dimiliki jika anda ingin menjadi seorang pekerja Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)?

Tandakan ( ✓ ) pada ruangan yang berkenaan.

### Senarai Semak Pekerja Berkualiti

Bil.	Kriteria	Tandakan ( ✓ )
1.	Penampilan Diri	
	1.1 Kebersihan diri	<input type="checkbox"/>
	1.2 Berpakaian kemas	<input type="checkbox"/>
2.	Persediaan Fizikal	
	2.1 Sihat dan cergas	<input type="checkbox"/>
	2.2 Berkeupayaan untuk bekerja	<input type="checkbox"/>
3.	Persediaan Kemahiran	
	3.1 Membaca dan menulis (2M)	<input type="checkbox"/>
	3.2 Sosial	<input type="checkbox"/>
	3.3 Komunikasi	<input type="checkbox"/>
	3.4 Kerjaya	<input type="checkbox"/>
4.	Persediaan Kemahiran Sosial	
	4.1 Boleh berinteraksi dengan orang lain	<input type="checkbox"/>
	4.2 Memahami dan mematuhi arahan	<input type="checkbox"/>
5.	Persediaan Personel dalam Organisasi	
	5.1 Membuat perancangan	<input type="checkbox"/>
	5.2 Daya kepimpinan	<input type="checkbox"/>
	5.3 Bekerja dalam kumpulan	<input type="checkbox"/>





### Mendengar dan Bertutur

## Program Anak Angkat

Dalam perhimpunan rasmi Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Sentosa, Perak, Cikgu Damia telah mengumumkan tawaran mengikuti program anak angkat anjuran Kelab Pelancongan Koperasi Sekolah. Program pada kali ini akan dijalankan di Kampung Parit Bunga, Muar, Johor.

<p><b>Tarikh:</b> 1 hingga 5 Julai 20 <input type="checkbox"/><input type="checkbox"/></p> <p><b>Tempat:</b> Kampung Parit Bunga, Muar, Johor.</p> <p><b>Sasaran:</b> Murid Berkeperluan Khas Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Sentosa, Perak.</p> <p><b>Objektif program adalah untuk:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan keyakinan diri, kemahiran komunikasi dan sosialisasi Murid Berkeperluan Khas dengan komuniti.</li> <li>2. Mengenalni adat budaya masyarakat setempat.</li> <li>3. Menjalinkan hubungan kekeluargaan dengan penduduk kampung.</li> </ol>	<b>Aktiviti/Program</b>	
	<p><b>1 Julai 20</b> <input type="checkbox"/><input type="checkbox"/></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis penyerahan murid kepada keluarga angkat.</li> <li>• Majlis tahlil dan doa selamat.</li> </ul>	
	<p><b>2 Julai 20</b> <input type="checkbox"/><input type="checkbox"/></p> <p>Lawatan ke PKS</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kilang otak-otak</li> <li>• kilang kerepek</li> <li>• bengkel kraf</li> </ul>	<p><b>3 Julai 20</b> <input type="checkbox"/><input type="checkbox"/></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan tarian zapin dan kuda kepang</li> <li>• Kraf tangan/Origami</li> </ul>
	<p><b>4 Julai 20</b> <input type="checkbox"/><input type="checkbox"/></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gotong-royong kenduri kahwin</li> </ul>	<p><b>5 Julai 20</b> <input type="checkbox"/><input type="checkbox"/></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malam kebudayaan</li> <li>• Majlis penutupan</li> </ul>



### Aktiviti

Sebagai wakil murid, berikan ucapan dalam majlis penutupan program anak angkat yang telah dijalankan.



Menyampaikan maklumat dalam bentuk ucapan dan pengumuman dengan betul, jelas dan intonasi yang sesuai.



## Kenangan Terindah

Aku dan kawan-kawanku berkesempatan untuk mengikuti program anak angkat anjuran pihak sekolah. Program ini telah diadakan di sebuah perkampungan nelayan di Marang, Terengganu. Kami menggunakan peluang keemasan ini untuk menikmati keindahan dan suasana di kampung yang sangat mendamaikan. Pengalaman ini sangat bermakna buat kami, sesuai dengan peribahasa, **jauh perjalanan, luas pemandangan**.

Aku telah ditempatkan di rumah Pak Jusoh. Aku sangat gembira kerana dapat berkenalan dengan Pak Jusoh dan keluarganya. Sepanjang lima hari bersama-sama dengan mereka, aku berpeluang mengalami kehidupan sebagai keluarga nelayan. Menurut Pak Jusoh, dahulu kehidupannya susah. Dia memperoleh pendapatan kecil sebagai nelayan pantai dengan menggunakan sampan.

Kini, dia sudah mampu pergi ke tengah lautan menggunakan bot besar yang lengkap dengan peralatan menangkap ikan yang lebih moden. Hasil tangkapannya juga semakin bertambah. Pak Jusoh menjadi pembekal ikan segar di kawasan sekitar Kuala Terengganu. Selain itu, beliau dan isterinya mengusahakan produk berasaskan ikan seperti ikan kering dan keropok.

Aku sangat gembira tinggal bersama-sama dengan keluarga angkatku. Aku dapat merasa masakan hasil tangkapan Pak Jusoh. Ikan, udang dan sotong bakar memang sedap dimakan dengan sos. Aku juga dapat menikmati keenakan keropok lekor dan ketupat sotong. Aku membantu isteri Pak Jusoh membuat keropok lekor dan menjemur ikan kering.

Pengalaman menjadi sebahagian daripada keluarga nelayan telah memberikan motivasi dan inspirasi kepada diriku. Aku berjanji akan berusaha seperti Pak Jusoh yang berjiwa kental. Pak Jusoh berusaha memperbaiki kehidupan keluarganya seperti kata pepatah, **kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya**.



KAMUSMINI

jauh perjalanan,  
luas pemandangan

semakin jauh  
seseorang  
mengembara,  
semakin  
banyak  
perkara yang  
dapat dilihat.

kalau tidak  
dipecahkan ruyung,  
manakan dapat  
sagunya

sesuatu  
kejayaan itu  
tidak akan  
dicapai tanpa  
usaha.



Aktiviti

1. Berikan maksud peribahasa dalam petikan.
2. Ceritakan pengalaman yang bermakna semasa “aku” tinggal bersama-sama dengan keluarga angkat.



Membaca dengan lancar untuk meluaskan perbendaharaan kata.



Menulis

TEMA

5

# Pertukaran Budaya

Pak Selamat menetap di Kelantan. Beliau terlibat dalam program anak angkat yang dianjurkan oleh sebuah universiti tempatan. Anak angkat Pak Selamat bernama James yang berasal dari Australia. James berasa seronok kerana dapat bermain wau, bermain gasing, berdikir barat dan mencanting batik.

Hari

1



Bermain wau

Hari

2



Dikir barat

Hari

3




Bermain gasing

TEMA

5

Hari

4



Mencanting batik



### Aktiviti

Andaikan anda ialah James, tulis diari tentang pengalaman anda sebagai anak angkat Pak Selamat.

3.3.2

Menulis pelbagai ayat yang gramatis.



## Penilaian 14

Suaikan gambar dengan rangkai kata yang betul, kemudian bina ayat.

TEMA

5



bertukar kebudayaan



mengenal adab budaya



berkenalan dengan komuniti

## Pengalaman dalam Kenangan



Mendengar dan Bertutur

### Pengalaman di Sawah Padi

Cikgu Halim telah membawa murid-murid Tingkatan Tiga Ceria mengadakan Program Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) di sawah padi. Program ini memberikan peluang kepada murid untuk merasai sendiri kehidupan sebagai seorang petani.



#### Aktiviti

Ceritakan pengalaman anda dalam program lain yang pernah anda terlibat.



Mendengar dan menyatakan semula maklumat yang diterima dalam pelbagai ujaran harian.



# Jauh Perjalanan, Luas Pemandangan

Program lawatan sambil belajar merupakan aktiviti tahunan murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Menengah Kebangsaan Harmoni. Banyak tempat telah mereka lawati. Mereka juga menimba pelbagai pengalaman menarik, seperti melawat ke Kuching, Sarawak.

## Kuching Waterfront, Sarawak

Kuching Waterfront ialah kawasan rekreasi menarik yang terletak di tepi Sungai Sarawak. Mereka berasa seronok dapat menaiki bot menyusuri Sungai Sarawak sambil menikmati keindahan pemandangan di sepanjang sungai.

Pada waktu malam, suasana di tempat ini cukup meriah dengan pelbagai aktiviti. Di sini, terdapat banyak gerai menjual cenderamata, pakaian dan makanan. Mereka singgah di sebuah gerai makanan untuk menikmati laksa Sarawak dan mi kolok. Mereka juga membeli cenderamata dan kek lapis Sarawak sebagai buah tangan untuk dibawa pulang.



## Kampung Budaya Sarawak

Lawatan ke Kampung Budaya Sarawak membolehkan mereka melihat replika rumah dan bangunan pelbagai etnik di Sarawak. Antaranya termasuklah rumah panjang Bidayuh, Iban dan Orang Ulu.

Dalam setiap rumah yang dikunjungi, mereka dapat melihat aktiviti yang dijalankan seperti membuat kraf tangan daripada manik, demonstrasi masakan dan tarian tradisional. Selepas itu, mereka menonton persembahan kebudayaan di Panggung Budaya.







### Muzium Kucing

Mereka berasa sangat teruja kerana dapat melawat satu-satunya Muzium Kucing di Malaysia yang terletak di Bandar Raya Kuching. Muzium ini mempamerkan berbagai-bagai aksesori berkaitan kucing seperti patung, lukisan, setem dan poskad.

Selepas itu, mereka memasuki gua kucing yang menarik. Kemudian, mereka bergambar bersama-sama dengan beraneka patung kucing. Sebelum pulang, mereka membeli cenderamata patung kucing sebagai kenang-kenangan.



### Taman Buaya Jong

Mereka melawat Taman Buaya Jong, iaitu tempat pembiakan buaya yang terbesar di Malaysia. Pelbagai maklumat tentang buaya dipamerkan di sini. Kepala Bujang Senang, iaitu buaya terbesar yang ditangkap di Sarawak turut dipamerkan.

Selain buaya, terdapat juga haiwan lain seperti burung merak, monyet dan rusa. Mereka terpegun melihat ikan arapaima bersaiz 10 kaki dengan berat melebihi 180 kilogram.

### Medan Niaga Satok

Sebelum pulang, mereka singgah di Medan Niaga Satok. Mereka membeli ikan terubuk masin. Selain ikan terubuk masin, pelbagai produk industri desa, seperti buah-buahan serta sayur-sayuran hasil tanaman penduduk kampung terdapat di sini. Mereka juga membeli lada hitam dan pes laksa Sarawak sebagai oleh-oleh untuk dibawa pulang.



### Aktiviti

Jika anda seorang pemandu pelancong, perihalkan tempat-tempat menarik di Sarawak.




Membaca untuk menyaring dan mengenal pasti idea utama.



# Pengalaman Manis

Persatuan Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Sentosa telah mengadakan lawatan ke Pulau Pangkor pada 16 Mac 20  . Santhi selaku setiausaha persatuan telah diminta untuk menyediakan laporan lawatan tersebut. Berikut adalah antara aktiviti yang telah dilakukan.



# Laporan Lawatan ke Pulau Pangkor

1. Tarikh lawatan: \_\_\_\_\_
2. Hari: \_\_\_\_\_
3. Tempoh lawatan: \_\_\_\_\_
4. Atur cara lawatan: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
5. Pengetahuan yang  
diperoleh: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
6. Refleksi: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Disediakan oleh,

.....  
( )

Setiausaha,  
Persatuan Bahasa Melayu.

.....  
Tarikh



## Aktiviti

Lengkapkan maklumat dengan menggunakan ayat yang betul.



3.1.3

Menulis dengan melengkapkan maklumat diri dan ayat dalam pelbagai bahan dengan betul dan tepat.



## Penilaian 15

Lengkapkan perkataan.

# Permainan Roda Fantasi

TEMA

5

### Peraturan permainan

1. Guru menyediakan roda putar, set soalan dan kad petak jawapan.
2. Guru meminta murid memutar roda fantasi.
3. Setelah roda berhenti berputar, guru akan memberikan sampul surat berisi kad soalan dan kad petak jawapan kepada murid.
4. Guru membaca soalan yang terdapat di dalam sampul surat.  
Contoh: Pulau Pangkor terletak di negeri \_\_\_\_\_.

Petak jawapan:

P

R

### Soalan:

1. Muzium Kucing terletak di \_\_\_\_\_, Sarawak.
2. Pelancong berpeluang menyusuri \_\_\_\_\_ dengan menaiki bot.
3. Makanan laut yang popular di Medan Niaga Satok.
4. Ikan besar yang terdapat di Taman Buaya Jong.
5. Aktiviti menyelam dan berenang menggunakan alat pernafasan dinamakan \_\_\_\_\_.
6. Perkhidmatan pengangkutan awam yang disediakan untuk ke Pulau Pangkor.
7. Sawah padi juga dikenali dengan nama \_\_\_\_\_.



## Jom Berkomunikasi

A. Berikan pendapat anda tentang lawatan sambil belajar berpandukan bahan grafik di bawah.

### Lawatan Sambil Belajar

Jauh perjalanan,  
luas pemandangan

Program  
Anak Angkat

Pengalaman  
manis

Tempat  
menarik

Aktiviti  
kebudayaan

Aktiviti  
kemasyarakatan

Perusahaan Kecil  
dan Sederhana

Produk  
kraf tangan

Produk  
makanan

B. Lakukan aktiviti seperti yang berikut.

# Jejak Warisan

TEMA


5



Stesen A



Stesen B



Stesen C



Stesen D

## Peraturan Permainan

1. Murid dibahagikan secara berpasangan.
2. Sediakan empat stesen di sepanjang trek perlumbaan.
3. Setiap stesen menyediakan tugas yang berlainan:  
Stesen A – meneka nama tempat menarik  
Stesen B – menamakan produk PKS  
Stesen C – menghasilkan kraf tangan  
Stesen D – demonstrasi permainan/ tarian tradisional
4. Kumpulan yang berjaya menjalankan setiap tugas, akan diberikan kad berwarna.
5. Markah akan diberikan berdasarkan warna kad yang dikumpulkan.
  - Kad warna merah: 10 markah
  - Kad warna biru: lima markah
  - Kad warna hijau: tiga markah

# TEMA 6

## BARANGAN BUATAN MALAYSIA

*“Jika rakyat Malaysia mengutamakan barangan buatan tempatan, terutama makanan, kita dapat menjimatkan RM1.9 bilion setahun untuk mengimport bahan itu.”*

*Tan Sri Shahrir Abdul Samad  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna  
6 Januari 2009*



Mendengar dan Bertutur

TEMA

6

### Barangan Buatan Malaysia



IMBAS SAYA



### Aktiviti

Ujarkan ayat mudah dengan berpandukan gambar.





## Sokonglah Barangan Buatan Malaysia


Barangan tempatan ialah hasil produk rakyat negara kita sendiri. Antara barangan tersebut termasuklah makanan, pakaian, kenderaan dan hasil kraf tangan.

Harga produk tempatan juga berpatutan. Produk tempatan tidak dikenakan cukai yang tinggi. Contohnya, harga beg tangan buatan Malaysia lebih murah daripada beg tangan import.

Produk tempatan juga berkualiti tinggi. Pengguna tidak perlu ragu-ragu apabila membeli barangan buatan Malaysia. Produk makanan keluaran negara kita dijamin bersih, suci dan halal. Produk tersebut menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Produk tempatan dihasilkan mengikut ciri-ciri tempatan yang bersesuaian dengan cita rasa pengguna. Misalnya, produk kraf tangan seperti batik, tembikar dan hasil tenunan mempunyai nilai seni yang sangat tinggi berbanding dengan barangan import.

Rakyat Malaysia sewajarnya menyokong hasil keluaran tempatan dengan membeli barangan buatan Malaysia.



### Aktiviti

Mengapakah kita digalakkan membeli barangan buatan Malaysia?



Membaca dengan lancar untuk meluaskan perbendaharaan kata.



## Menulis

TEMA

6

Rozel atau *Hibiscus sabdariffa*, merupakan tumbuhan herba semula jadi yang kaya dengan Vitamin C, serat dan mineral. Produk berasaskan buah rozel seperti jus, jem dan halwa kian mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di Malaysia.



1

Asingkan buah daripada tangkainya.



2

Potong kelopak dan buang bijinya.



3

## Jus Rozel

Masukkan kelopak yang sudah dibersihkan ke dalam periuk.



Tapis air rebusan.

6



Masukkan gula.

5



Rebus sehingga air rebusan bertukar warna merah.

4



### Aktiviti

Tulis cara-cara membuat jus rozel.



## Penilaian 16

Kenal pasti dan nyatakan produk kesihatan dan kosmetik mengikut kegunaannya.

# Produk Kesihatan dan Kosmetik

TEMA

6



Jeli gamat



Teh misai kucing



Bedak sejuk



Syampu rambut



Losen halia



## Aktiviti

Tulis ayat dengan menggunakan kata nama.



**Mendengar dan Bertutur**

Pengguna bijak akan memilih barangan yang berkualiti. Pelbagai promosi dijalankan sehingga pengguna tidak dapat membuat pilihan barangan yang hendak dibeli. Barangan di bawah berkualiti tetapi mempunyai harga yang berbeza.

**Produk tempatan**

- Beras Wangi 5KG: RM25.00
- Minyak Masak 5KG: RM20.00
- Televisyen jenama Malaysia 40": RM1500
- Sepatu: RM50.00

**Produk import**

- Beras Wangi 5KG: RM35.00
- Minyak Masak 5KG: RM27.00
- Televisyen jenama luar negara 40": RM2500.00
- Sepatu: RM180.00



**Aktiviti**

Antara barangan tempatan dan import, yang mana satu menjadi pilihan anda? Bincangkan.



Memberi maklum balas terhadap maklumat yang diterima mengikut konteks.



## Produk Tempatan Indah Buatan

Malaysia bumi bertuah  
negara tercinta sungguh bermaruah  
pelbagai produk jenama Malaysia  
sudah terkenal seantero dunia.

Makanan, pakaian dan kenderaan  
tidak ketinggalan hasil kraf tangan  
barangan elektrik kegunaan harian  
jenama Malaysia tiada tandingan.

Produk tempatan mudah didapati  
harganya berpatutan setanding kualiti  
tahan lama sudahlah pasti  
untung berganda, tidak akan rugi.

Gunalah produk jenama Malaysia  
identiti bangsa kebanggaan semua  
sumber rezeki rakyat jelata  
meningkatkan ekonomi negara kita.

Marilah bersama kita menyokong  
produk tempatan wajar disanjung  
faedahnya banyak tidak terhitung  
jimat wang kita yang untung.

Nukilan,  
*Asmah Abdul Hamid*

Berdasarkan puisi, senaraikan isi penting dalam bentuk peta pemikiran.

Produk  
Tempatan  
Indah  
Buatan



Menulis

## Bijak Membeli

TEMA

6

Bersempena dengan sambutan hari raya yang akan tiba, Encik Zakaria membawa keluarganya membeli-belah di sebuah pasar raya yang menjual pelbagai produk tempatan.

Puan Zarina, isteri Encik Zakaria membantu memilih pakaian yang sesuai untuk mereka seisi keluarga. Mereka mempunyai cita rasa yang berbeza. Walau bagaimanapun, untuk hari raya pertama, mereka akan memakai pakaian sedondon.



Encik Zakaria dan anak lelakinya membeli songkok dan baju Melayu yang berwarna hijau. Puan Zarina dan anak perempuannya, Zaida pula memilih baju kurung dan tudung berwarna hijau.

Selain pakaian tradisional, Encik Zakaria juga membeli beberapa helai kemeja dan seluar. Dia bijak memilih warna baju yang sepadan dengan warna seluar. Mereka juga membeli kasut buatan tempatan.

Encik Zakaria berasa sangat gembira kerana dapat membeli produk tempatan dengan harga berpatutan dan berkualiti. Beliau telah mendidik keluarganya agar menghargai bekas tangan rakyat Malaysia.



KAMUSMINI

bekas tangan

hasil kerja tangan seseorang.



Aktiviti

Pada pendapat anda, apakah persepsi Encik Zakaria sekeluarga terhadap produk tempatan?





## Penilaian 17

A. Padankan dan bincangkan produk keluaran Malaysia.

1.



Kelapa sawit



Perabot

2.



Buah koko



Tayar

3.



Kayu balak



Coklat

4.



Susu getah



Minyak masak

B. Jawab soalan di bawah.



## Sokonglah Barangan Malaysia

TEMA

6

Banyak faedah yang diperolehi apabila kita membeli produk tempatan. Harga produk tempatan seperti pakaian, makanan dan kenderaan lebih berpatutan berbanding dengan jenama luar negara. Kita dapat menjimatkan perbelanjaan keluarga.

Pembelian produk tempatan dapat menyemai semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia. Kempen Sokonglah Jenama Malaysia, dapat menggalakkan rakyat membeli barangan buatan Malaysia. Seterusnya, kempen ini dapat memupuk perasaan cinta akan negara.

Selain itu, kita dapat memajukan industri tempatan. Terdapat pelbagai produk industri desa yang muncul **seperti cendawan tumbuh selepas hujan**. Industri ini membantu rakyat menambah pendapatan.

Pembelian produk tempatan juga dapat meningkatkan imej negara. Pelancong yang datang ke negara kita akan membeli produk tempatan yang berkualiti tinggi sebagai buah tangan untuk dibawa pulang ke negara mereka.

1. Nyatakan empat faedah membeli barangan tempatan.

---

---

---

---

2. Berikan maksud peribahasa **seperti cendawan tumbuh selepas hujan**.

---

---



### Mendengar dan Bertutur

## Jadilah Pengguna Bijak

Pelbagai cara boleh dilakukan untuk menjadi seorang pengguna yang bijak. Sebagai pengguna, kita perlu bijak berbelanja supaya kewangan kita dapat diurus dengan baik.

Pengguna yang bijak perlu mengetahui hak-hak mereka sebagai pengguna bagi mengelak diri daripada menjadi mangsa penipuan atau teraniaya. Antara hak-hak pengguna termasuklah hak untuk memulangkan barang yang dibeli jika rosak dan mendapatkan ganti rugi.

Amalan menabung sejak kecil lagi dapat mendidik kita menjadi pengguna yang bijak. Dengan adanya sikap sedemikian, pengguna lebih berjimat-cermat ketika berbelanja. Lebihan wang yang dibelanjakan boleh disimpan untuk kegunaan pada waktu kecemasan.

Pengguna yang bijak akan membuat perbandingan harga sebelum membeli sesuatu barang. Kita perlu tahu anggaran harga barang yang hendak dibeli. Sebelum membeli barang tersebut, buatlah perbandingan harga di beberapa buah kedai. Belilah barang di kedai yang menawarkan harga yang berpatutan.

Pengguna yang bijak juga perlu menyediakan senarai barang yang hendak dibeli. Dengan berbuat demikian, kita dapat mengawal perbelanjaan dan mengelakkan pembaziran. Kita juga dapat mendisiplinkan diri daripada membeli barang yang tidak sepatutnya dibeli.

Setiap pengguna juga perlu berfikir dahulu sebelum membeli sesuatu barang. Pepatah **mengukur baju di badan sendiri** eloklah dijadikan pegangan untuk memastikan kita tidak mengalami kesempitan kewangan akibat tidak merancang perbelanjaan.



#### KAMUSMINI

mengukur baju  
di badan sendiri

bertindak atau berbelanja  
mengikut kemampuan  
diri sendiri.



### Aktiviti

Dengar penyampaian guru tentang ciri-ciri pengguna bijak, kemudian bincangkan.

Bina peta pemikiran tentang ciri-ciri pengguna bijak. Kemudian, bincangkan bersama-sama dengan rakan anda.

TEMA

6

**Ciri-ciri  
Pengguna  
Bijak**

Daniel dan keluarganya menonton rancangan forum bertajuk “Bijak Berbelanja” di televisyen. Dia telah berkongsi beberapa maklumat tentang ciri-ciri pengguna bijak dengan rakan-rakannya.

Sebelum mengakhiri forum kita pada hari ini, apakah nasihat panel kepada para pengguna?

Jadilah pengguna bijak dengan memilih produk tempatan. Belilah barangan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan. Bak kata pepatah Melayu, **alah membeli, menang memakai**.

Sebagai pengguna, kita hendaklah berjimat-cermat dalam berbelanja. Ungkapan **biar papa asal bergaya** tidak harus diamalkan.



KAMUSMINI

alah membeli, menang memakai	barang yang baik ataupun berkualiti memang mahal, tetapi dapat bertahan lama.
biar papa asal bergaya	sanggup berhabis wang untuk berlagak.



Aktiviti

Anda ialah pengerusi forum, manakala tiga rakan anda sebagai panel. Bincangkan ciri-ciri pengguna bijak dalam kumpulan.



Berbincang dengan menggunakan kata, ungkapan dan ayat yang sesuai.



# Panduan Memilih Produk

Maklumat pelabelan makanan sangat penting kepada pengguna. Berdasarkan Peruntukan Pelabelan Makanan di bawah Peraturan Makanan 1985, peniaga perlu memberikan maklumat tepat kepada pengguna tentang produk keluaran mereka. Oleh itu, sebagai pengguna bijak, perhatikan dan baca maklumat yang terdapat pada bungkusan makanan, sebelum membeli.

## Nama Sebutan Sebenar Makanan

Nama yang jelas, tepat dan tidak mengelirukan.

## Senarai Ramuan

Ramuan yang digunakan dalam produk yang disusun mengikut berat dalam susunan menurun.

## Arahan Penyimpanan

Ikut arahan penyimpanan yang disarankan.

## Maklumat Pengeluaran

Nama dan alamat pengilang/ejen (termasuk produk import).

## Logo Buatan Malaysia

Dibuat di Malaysia dengan menggunakan bahan mentah tempatan.



## Aktiviti

Apakah kepentingan penandaan tarikh luput pada produk makanan, kosmetik, ubat-ubatan dan minuman?





**Akuan Pemakanan**  
Menunjukkan kualiti pemakanan produk tersebut.

**Pelabelan Makanan**  
Maklumat mengenai kandungan pemakanan sesuatu produk.

**Penyataan Aditif Makanan**

Perlu nyatakan semua aditif makanan yang dibenarkan. Contohnya, bahan pengawet, bahan pewarna, bahan perisa, penambahan perisa, antioksidan atau kondisioner makanan.

**Penyataan Mengenai Kuantiti/Berat/Isi Padu**

Penyataan mengenai berat bersih atau isi padu atau bilangan minimum isi bungkus makanan tersebut.

**Penandaan Tarikh**

Pastikan makanan yang dipilih tidak melepasi tarikh luput.

**Logo Halal**

Pastikan produk mendapat logo halal yang diiktiraf oleh JAKIM.

# Roti

TINGGI  
KALSIMUM

**Maklumat Pemakanan**  
Saiz Hidangan: 60 g  
Hidangan bagi setiap bungkus: 7

Tenaga	252 kcal	151 kcal
Karbohidrat	48.5 g	29.1 g
Protein	8.3 g	5.0 g
Lemak	2.4 g	1.4 g
Kalsium	250 mg	150 mg

**Ramuan:** tepung gandum, susu tepung tanpa lemak, lemak sayur, mentega, gula pasir, garam, ragi  
Mengandungi bahan pengawet yang dibenarkan.

**Berat bersih: 450 g**

**Arahan penyimpanan:**  
Simpan di tempat sejuk dan kering.

**GUNA SEBELUM: 09/12/20**

Dikilangkan oleh:

ABC Sdn. Bhd.,  
No.1, Jalan 123,  
Taman Perindustrian EFG,  
50000 Kuala Lumpur, Malaysia.



(Sumber: [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my))



## Menulis

Puan Wahidah seorang usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berjaya. Beliau telah melancarkan produk baharu, iaitu piza mini. Oleh itu, Puan Wahidah bercadang untuk mempromosikan produk tersebut melalui pembungkusan produk yang menarik dan kreatif. Puan Wahidah telah mengadakan pertandingan mereka bentuk pembungkus piza mini.

TEMA

6

Peserta perlu memasukkan maklumat berikut pada pembungkus piza mini:

1. Nama produk.
2. Ramuan produk.
3. Tarikh luput.
4. Pengeluar.

Peserta hendaklah membentangkan hasil rekaan masing-masing kepada panel penilai. Pemenang yang berjaya dipilih berdasarkan ketepatan maklumat pada pembungkus serta reka bentuk yang menarik dan kreatif.



**Penyertaan terbuka kepada:**

- Warganegara Malaysia
- Berumur 12 – 25 tahun



## Aktiviti

Hasilkan pembungkus piza mini, kemudian bentangkan hasil rekaan anda.





## Jom Berkomunikasi

A. Anda ingin membeli sepasang kasut untuk bersukan. Terdapat tiga pasang kasut yang menarik perhatian anda. Sebagai pengguna yang bijak, nyatakan pilihan anda dan sebab anda memilih kasut tersebut.

RM119



- Diperbuat daripada material yang fleksibel pada bahagian hadapan dan belakang.
- Dilengkapi teknologi yang mampu menyerap impak dan hentakan.
- Menampilkan gaya yang menarik.

RM129



- Mempunyai ciri pengudaraan yang direka untuk mengurangkan kaki berbau.
- Mudah dipakai dan mengikut bentuk kaki.
- Bahagian tapak luar menggunakan tapak getah untuk mengurangkan risiko tergelincir.

RM109



- Tekstur luaran yang menyokong saiz kaki.
- Tapak getah karbon berprofil rendah yang ringan.
- Fabrik antipeluh yang membuatkan kaki pemakai sentiasa kering.

B. Ganesh dan ibunya ingin membeli barang keperluan sekolah. Bapanya, Encik Raja telah memberikan wang sebanyak RM200.00.

Berdasarkan senarai barang yang berikut, tandakan ( ✓ ) pada barang keperluan yang anda fikir akan dibeli oleh Ganesh dan ibunya.

### Senarai Barang Keperluan

Bil.	Nama Barang	Tandakan ( ✓ )	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Baju kemeja putih lengan pendek		2 helai	RM22.90	
2.	Baju kemeja putih lengan panjang		2 helai	RM29.90	
3.	Seluar panjang warna hijau		2 helai	RM32.00	
4.	Kasut kanvas warna putih		1 pasang	RM39.90	
5.	Kapur kasut		2 botol	RM3.50	
6.	Singlet		1 helai	RM4.90	
7.	Beg sekolah		1 buah	RM39.90	
8.	Tali pinggang		1 helai	RM8.90	
9.	Stoking		2 pasang	RM4.50	
10.	Bekas minuman		1 buah	RM9.90	
11.	Alat tulis:				
	i. Fail		1 keping	RM7.20	
	ii. Pen		2 batang	RM1.30	
	iii. Pensel		1 kotak	RM4.50	
	iv. Pemadam		2 biji	RM1.80	
	v. Kotak pensel		1 buah	RM12.00	
	vi. Pensel warna		1 kotak	RM8.90	
	vii. Pembalut buku		1 paket	RM12.50	
	viii. Pengasah pensel		1 buah	RM12.00	
	ix. Pembaris panjang		1 batang	RM2.50	
	<b>Jumlah keseluruhan</b>				



### Aktiviti

Nyatakan:

1. Sebab-sebab Ganesh memilih barangan tersebut.
2. Jumlah harga barang yang telah dibeli oleh Ganesh dan ibunya.

# TEMA 7

## WARISAN BANGSA

*Sirih junjung buat pinangan,  
Dihiasi pinang cantik dipandang;  
Tradisinya disanjung dilupa jangan,  
Adat dikenang budaya dijulang.*



**Mendengar dan Bertutur**

TEMA  
7

1. Halus tenunan kain tanjak,  
Diikat erat orang lelaki;  
Tekalah permainan dengan bijak,  
Melompat mendarat sebelah kaki.

[Empty pink rounded rectangle for answer]

2. Cincin pusaka cantik berseni,  
Batu kecubung pilihan dara;  
Mari meneka permainan ini,  
Batu dilambung lima saudara.


[Empty pink rounded rectangle for answer]

3. Terbang rerama sangatlah rendah,  
Hinggap di kudup bunga melati;  
Permainan ternama sungguh mudah,  
Dilepaskan hidup dipegang mati.

[Empty pink rounded rectangle for answer]

4. Pohon nangka pohon kelapa,  
Ditanam abang di tepi kali;  
Cubalah teka permainan apa,  
Badan berlubang diisi guli.

[Empty pink rounded rectangle for answer]



**Aktiviti**

Dengar pantun yang disampaikan, kemudian berikan jawapan yang betul.

# Permainan Tradisional Malaysia

## Congkak

Congkak ialah permainan yang memerlukan pemain mengisi buah ke dalam deretan lubang pada sekeping papan yang dinamakan papan congkak. Tujuan permainan ini adalah untuk menguji kecekapan pemain mendapatkan seberapa banyak buah daripada pihak lawan.



TEMA  
7



## Batu Seremban

Permainan batu seremban ini melibatkan sekurang-kurangnya dua orang pemain. Alat yang digunakan dalam permainan ini ialah lima biji batu dan biasanya dimainkan di dalam rumah. Batu-batu kecil ini akan dilambung dan disambut kembali.

## Sepak Bulu Ayam

Sepak bulu ayam dimainkan oleh sekumpulan kanak-kanak lelaki di luar rumah. Permainan ini adalah seperti permainan sepak raga, tetapi bola yang digunakan daripada bulu ayam yang dibentuk seperti sejambak bunga. Pemain perlu menimbang bulu ayam seberapa lama yang mungkin supaya bola itu tidak jatuh ke tanah.





Membaca

# Pertandingan Permainan Tradisional

Persatuan Permainan Dalam Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai Sejuta akan mengadakan pertandingan permainan tradisional.

TEMA  
7

## Pertandingan Permainan Tradisional

Dam • Batu Seremban • Congkak

**Anjuran:**  
Persatuan Permainan Dalam,  
Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai Sejuta.

Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan pertandingan ini, sila hubungi Puan Farah binti Farid di talian 06-870622877

**Tarikh:**

12 Jun 20

**Masa:**

9:00 pagi hingga  
1:00 tengah hari

**Tempat:**

Dewan Sanggar

**Syarat pertandingan:**

Satu penyertaan untuk  
satu permainan.



### Aktiviti

1. Dengar dan nyatakan semula maklumat yang diberikan.
2. Pilih satu permainan, kemudian bincangkan.



IMBAS SAYA



## Menulis

Farah dan Adam mengambil borang penyertaan pertandingan permainan tradisional daripada Cikgu Razif.

### Borang Penyertaan Pertandingan Permainan Tradisional Peringkat Sekolah

Tandakan ( ✓ ) pada ruangan yang disediakan.

- (    ) galah panjang - lima orang (kumpulan)
- (    ) tuju selipar - lima orang (kumpulan)
- (    ) congkak - (individu)
- (    ) batu seremban - (individu)

Bil.	Nama peserta (individu atau kumpulan)	Tingkatan
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		
9.		
10.		

Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan pertandingan ini, sila berhubung dengan guru kelas masing-masing.



# Penilaian 19

Susun huruf menjadi perkataan yang betul berdasarkan kod rahsia di bawah.

TEMA

7

## KOD RAHSIA

1 a	2 d	3 c
4 y	5 j	6 b
7 e	8 g	9 m
10 n	11 w	12 l
13 i	14 o	15 t
16 k	17 p	18 r
19 s	20 u	

1.

11	1	20

2.

4	14	4	14

3.

8	20	12	13

4.

2	1	9

5.

16	14	10	2	1

16	14	10	2	13

6.

3	14	10	8	16	1	16

7.

8	1	19	13	10	8

8.

15	13	10	8	15	13	10	8

9.

3	1	15	20	18

10.

6	1	15	20	19	7	18	7	9	6	1	10





### Mendengar dan Bertutur

## Makanan Warisan



IMBAS SAYA

Swee Ling dan rakan-rakannya hendak menyiapkan buku skrap. Mereka berbincang untuk mendapatkan maklumat tentang makanan warisan.

Apakah yang awak tahu tentang makanan warisan?

Pada pandangan saya, makanan warisan ialah rendang, dodol, cucur udang, kuih bulan, dim sum, roti canai, dan tose.

Pada pandangan saya, makanan warisan melambangkan identiti masyarakat pelbagai kaum dan budaya di negara kita.



### Aktiviti

Berikan pandangan anda tentang makanan kegemaran masyarakat berbilang bangsa di Malaysia dengan mengimbas QR Code yang disediakan.

Mengemukakan maklumat dengan betul dan jelas.



# Kuih-muih Tradisional Sabah

Puan Hafizah pandai membuat kuih-muih tradisional Sabah. Beliau memiliki kedai yang menjual kuih-muih tradisional. Pelanggan Puan Hafizah terdiri daripada pelbagai kaum. Puan Hafizah membuat kuih sebanyak 2000 biji sehari. Kuih-muihnya sedap. Hasil jualanannya sangat laris.

Selain berniaga di kedai, Puan Hafizah juga berniaga di karnival hari keusahawanan. Beliau menerima tempahan untuk majlis rasmi dan perkahwinan.

Kini, Puan Hafizah telah mempelbagaikan kaedah jualan kuihnya. Oleh itu, beliau telah membina laman web untuk mempromosikan jualan kuih secara dalam talian.



Bintanok Dalai



Buras



Kuih Lenggang



Kelupis



## Aktiviti

1. Apakah jenis kuih tradisional yang dijual oleh Puan Hafizah?
2. Berapakah jumlah kuih yang dibuat oleh Puan Hafizah dalam masa sehari?
3. Bagaimanakah Puan Hafizah mempromosikan jualanannya?

Puan Hafizah menyediakan borang tempahan dalam laman sesawang untuk pelanggan yang mahu membeli kuih secara dalam talian.



## Kuih Tradisional Hafizah

[www.kuihtradisionalhafizah.com](http://www.kuihtradisionalhafizah.com)

### Borang Tempahan Kuih

Nama:

No. telefon:

Tempahan melalui:


Tarikh ambil:  /  /

Bil.	Kuih	Jumlah
1.	Kuih Lenggang	
2.	Bintanok Dalai	
3.	Kelupis	
4.	Buras	





# Pakaian Tradisional Wanita Iban



# Pakaian Tradisional Lelaki Iban



TEMA  
7

Bulu burung ruai

Ketapu

Tumpa jari

Lampit

Baju burung

Sirat



## Aktiviti

(Sumber foto: <http://imagegallery.tourism.gov.my>)

Tulis ayat berkaitan dengan pakaian di atas dalam bentuk perenggan.

3.4.3

Menulis ayat dalam bentuk perenggan.



## Penilaian 20

Lengkapkan carta di bawah.

TEMA

7



### Makanan Tradisional

Makanan tradisional  
kaum Melayu

---

---

---

---

Makanan tradisional  
kaum Cina

---

---

---

---

Makanan tradisional  
kaum India

---

---

---

---



Mendengar dan Bertutur

Galeri Hani

Jualan kraf tangan Malaysia akan diadakan di Galeri Hani. Pelbagai produk kraf tangan akan dijual dengan harga yang berpatutan.




Labu sayong



Tepak sirih



Ukiran kayu



Songket



Tekak



Kain pua



Manik



Batik

Pengumuman

Salam sejahtera, tuan-tuan dan puan-puan,  
Selamat datang ke Galeri Hani. Galeri Hani mempamerkan dan menjual pelbagai jenis kraf tangan warisan Malaysia. Bersempena dengan pembukaan Galeri Hani ini, kami akan memberikan potongan harga untuk semua barang di premis kami. Datanglah beramai-ramai. Sekian, terima kasih.



Aktiviti

1. Sampaikan pengumuman di atas dengan intonasi yang sesuai.
2. Bincangkan cara lain untuk mempromosikan produk di Galeri Hani.



Menyampaikan maklumat dalam bentuk ucapan dan pengumuman dengan betul, jelas dan intonasi yang sesuai.



## Keistimewaan Labu Sayong

Labu sayong ialah bekas tembikar hasil kraf tangan dari Mukim Sayong, Kuala Kangsar, Perak. Di sinilah tanah liat khas diperoleh. Perusahaan membuat labu sayong telah dijalankan sejak turun-temurun.

Bekas menyimpan air yang dihasilkan daripada tanah liat ini dibentuk dan diukir dengan begitu teliti. Motif ukirannya banyak berunsurkan seni tradisional, khususnya bunga-bunga seperti bunga tanjung, padi, senduduk, lawang, cengkih dan pucuk rebung. Labu sayong kini mengalami transformasi dengan diberikan sentuhan moden pada bentuk dan warnanya.

Muncung

Motif hiasan

Kepala

Leher

Motif hiasan

Badan

Tapak/Kaki



### Aktiviti

1. Apakah motif seni labu sayong?
2. Jelaskan inovasi dalam penghasilan labu sayong.



## Jenis-jenis Labu



Labu  
Belalai Gajah



Labu  
Gelugor



Labu  
Gombol/Air



Labu  
Lepak



Labu  
Panai



Labu  
Bocong/ Leper

Kini, hasil tanah liat ini mula meneroka segmen baharu, iaitu dalam bidang seni hiasan.

Permintaan produk kraf seramik makin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat negara ini. Banyak rekaan baharu dihasilkan sesuai dengan gaya hidup masa kini.

Dalam kerancangan permintaan produk hiasan lain, kraf seramik tidak ketinggalan turut bersaing sebagai pelengkap untuk kegunaan harian dan perhiasan.



Menulis

# Pembuatan Labu Sayong

membakar

menjemur

menghitamkan

menghias

melicin

labu sayong

menapis

mengisar

tanah liat

acuan

TEMA

7



Blank space for labeling step 1.



Blank space for labeling step 2.



Blank space for labeling step 3.





Blank space for labeling step 4.



## Aktiviti

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang disediakan.



(Sumber: Encik Ridzuan bin Hamli – pengusaha labu sayong di Kampung Sayong Tengah, Kuala Kangsar, Perak.)




## Penilaian 21



Hasilkan satu anyaman kelarai. Ceritakan langkah-langkah untuk menghasilkan anyaman tersebut.

TEMA

7





A. Mari hasilkan bunga perca kain. Berdasarkan gambar, beritahu rakan anda, cara-cara menghasilkan bunga perca kain.


# Bunga Perca Kain

Bahan-bahan yang diperlukan ialah:

- perca kain
- benang
- gunting
- jarum
- butang




Lipat perca di bahagian kiri dan kanan ke tengah.



Kemaskan lipatan.



Lipat ke dalam.



Masukkan jarum di bahagian hujung perca.



Jahit dan tarik benang.



Cantumkan semua agar menjadi bentuk bunga.



Akhir sekali, jahit butang di tengah-tengah supaya cantuman perca kain yang dijahit berbentuk bunga.



B. Lakukan simulasi dan ceritakan.

Bahan yang digunakan: doh.  
Cara membuatnya: teknik lingkaran.

## Labu Mini

TEMA  
7



← 1 cawan tepung gandum



← 1/4 cawan garam



← 1 cawan air suam





← 2 sudu minyak masak



← 2 sudu krim tartar



← sedikit pewarna



# TEMA 8

## HARI KEUSAHAWANAN

*Bijak berniaga amalan mulia.*



### Mendengar dan Bertutur

## Juadah Jualan

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pesona mengadakan hari kantin. Pelbagai aktiviti diadakan pada hari tersebut. Puspa, Wu Lan dan Syamsul berbual-bual tentang karnival tersebut.



Berapakah gerai yang akan dibuka pada hari kantin?

Pada hari tersebut, ada 20 buah gerai jualan akan dibuka. Selain itu, terdapat juga pertandingan gerai terbersih.

Penjualan kupon akan bermula pada hari ini. Kita boleh mendapatkannya di koperasi sekolah.



### Aktiviti

Ceritakan pengalaman hari kantin di sekolah anda.





## Membaca

### Keratan Ucapan Perasmian

Sekolah-sekolah di seluruh negara akan mengadakan sambutan hari kantin sebagai aktiviti tahunan. Tujuan hari kantin diadakan adalah untuk mengutip dana. Dana ini mampu mengurangkan beban pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Dana ini akan digunakan untuk keperluan aktiviti sekolah dan infrastruktur sekolah supaya menjadi lebih kondusif.

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pesona

# HARI KANTIN

Tarikh: 17 September 20□□  
 Hari: Ahad  
 Masa: 9:00 pagi – 3:00 petang

Dirasmikan oleh:  
**Tuan Haji Hassan bin Hamid**  
 Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru

Gerai jualan, permainan, cabutan bertuah, pameran, refleksologi, derma darah, permintaan lagu, permainan, tayangan filem dan tarian.

**Semua diundang hadir**



## Aktiviti

1. Lengkapkan maklumat di bawah:

Aktiviti	
Anjuran	
Tarikh	
Masa	

2. Apakah manfaat yang pihak sekolah peroleh melalui hari kantin?



# Meriahnya Hari Kantin

## Laporan Hari Kantin

Pada hari Sabtu yang lalu, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pesona telah mengadakan hari kantin. Hari kantin itu diadakan di kantin dan kawasan persekitaran sekolah. Program ini diadakan pada pukul 9:00 pagi hingga 3:00 petang. Hari kantin ini dirasmikan oleh Yang Dipertua PIBG, Tuan Haji Hassan bin Hamid. Tujuan hari kantin ini diadakan adalah untuk mencari dana. Selain itu, murid dilatih untuk berniaga dengan cara yang efektif. Dana tersebut digunakan untuk membeli komputer dan membaik pulih prasarana sekolah.

Sebanyak 20 buah gerai telah dibuka. Pelbagai makanan dan minuman ada dijual. Pertandingan menyanyi, mewarna, memanah dan gerai terbersih juga diadakan. Cabutan bertuah turut diadakan untuk menarik perhatian para pengunjung. Pelbagai hadiah menarik telah disediakan. Kehadiran ibu bapa, komuniti setempat dan murid-murid sungguh menggalakkan. Hari kantin ini berjaya mencapai sasarannya.

Disediakan oleh,

*Nadira*

(NADIRA BINTI NAZIR)  
Setiausaha Karnival,  
SMK Seri Pesona.



### KAMUSMINI

ayat tunggal

Ayat tunggal terdiri daripada satu subjek dan satu predikat.

ayat majmuk

Ayat majmuk ialah ayat yang mengandungi dua atau lebih ayat tunggal. Ayat tunggal ini disambungkan dengan kata hubung seperti dan, atau, kecuali, tetapi, sambil, seraya dan lain-lain.



## Aktiviti

Kenal pasti dan salin semula ayat tunggal dan ayat majmuk yang terdapat dalam petikan.

Menulis ayat tunggal dan ayat majmuk.



## Penilaian 22

A. Bina ayat majmuk berdasarkan ayat tunggal yang diberikan.

1. Ayah Nisha membeli ayam bakar.  
Ayah Nisha membeli sambal. (dan)

---

---



2. Farah suka makan nasi lemak?  
Farah suka makan mi kari? (atau)

---

---



3. Kerepek itu sedap.  
Kerepek itu pedas. (tetapi)

---

---



4. Jus buah itu habis dijual.  
Jus buah mahal. (walaupun)

---

---



5. Kuih tradisional Mak Limah mendapat sambutan.  
Kuih tradisional Mak Limah sangat sedap. (kerana)

---

---



B. Sampaikan ucapan dengan intonasi yang sesuai.

Selamat pagi tuan-tuan dan puan-puan. Yang saya hormati, Encik Akmal bin Ahmad, guru penasihat Kelab Usahawan Muda dan anggota jawatankuasa.

Selaku pengerusi kelab ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah menjayakan hari kantin pada 17 September yang lalu. Hasil dana yang terkumpul akan disumbangkan kepada pihak sekolah untuk membeli komputer dan membaik pulih prasarana sekolah. Saya ingin mengucapkan tahniah atas kerjasama yang diberikan oleh anggota kelab.

Saya juga berharap agar kita dapat terus mengekalkan usaha sebegini untuk aktiviti yang akan datang.

Sekian, terima kasih.





### Mendengar dan Bertutur

## Perniagaan dalam Talian

Emak Nadira, Puan Ramlah ialah seorang peniaga dalam talian. Beliau dan rakan-rakan telah menerima undangan untuk menyertai jualan mega bersempena dengan minggu keusahawanan.



### Aktiviti

Bincangkan faedah perniagaan dalam talian.



# Rotan Menjadi Rebutan

**MARANG**, 10 Februari – Barangan berasaskan rotan, masih mendapat tempat dalam kalangan peminat hasil kraf tangan. Amir seorang peniaga barangan rotan berkata, “Rotan dan buluh mampu menghasilkan pelbagai barangan dekorasi yang unik dan cantik selain dijadikan perhiasan rumah.”

Menurutnya, menjual barangan rotan amat menguntungkan kerana harga jualan yang ditetapkan mengikut kualiti dan tahap kesukaran membuatnya. Antara barangan kraf yang dijual di kedainya termasuklah kerusi rotan, bekas lampu rotan, tudung saji dan lain-lain.

Amir juga menjual secara dalam talian. Amir mendapatkan stok daripada pemborong untuk memenuhi permintaan orang ramai. Beliau pernah memenangi Anugerah Keusahawanan Cemerlang Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kini, usaha gigih Amir telah membuahkan hasil. Beliau berjaya meraih pendapatan melebihi RM30 000.00 sebulan dengan memasarkan barangan berasaskan rotan.

Kejayaan usahawan ini bukannya datang bergolek. Amir bekerja keras untuk memberikan kehidupan yang lebih terjamin buat keluarganya. Beliau pernah bekerja di sebuah kilang sebelum membuka perniagaan sendiri. Dengan berprinsipkan **di mana ada kemahuan, di situ ada jalan**, kini perniagaan Amir semakin berkembang maju.





 **KAMUSMINI**

di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

jika seseorang mempunyai cita-cita atau keinginan, dia akan berusaha untuk mencapainya.



**Aktiviti**

1. Apakah jenis produk rotan yang dijual oleh Amir?
2. Mengapakah produk rotan menjadi rebutan?
3. Bagaimanakah Amir mempromosikan jualan produk rotannya?



# Berjiwa Usahawan

cawangan

modal

menjual

usahawan

kejayaan

berjaya

tayar

membuka

Farah bercita-cita ingin menjadi seorang \_\_\_\_\_ yang berjaya seperti emak saudaranya, Puan Norma. Puan Norma pernah mendapat anugerah khas sempena Hari Keusahawanan Desa. Farah selalu menolong emak saudaranya berniaga semasa cuti sekolah. Kedai Puan Norma \_\_\_\_\_ alat gantian kenderaan. Selain itu, Puan Norma juga menjual \_\_\_\_\_. Minat Farah untuk menjadi usahawan semakin mendalam apabila melihat \_\_\_\_\_ emak saudaranya.

Farah mengimpikan suatu hari nanti, dia berjaya \_\_\_\_\_ kedai seperti emak saudaranya. Apabila perniagaannya menunjukkan kemajuan, Farah akan menambah \_\_\_\_\_. Farah juga merancang untuk mengumpulkan \_\_\_\_\_ bermula dari sekarang. Farah yakin dia akan menjadi seorang usahawan yang \_\_\_\_\_ dan terkenal.





## KEDAI ALAT GANTI KENDERAAN



RM138  
PALING MURAH DI HULU LANGAT!

TEMA

8

Tahun bersilih ganti. Kini, Puan Norma berjaya membuka cawangan kedainya yang kelima. Kejayaan ini semakin membakar semangat Farah untuk berusaha dengan lebih gigih untuk menggapai cita-citanya.



### Aktiviti

1. Isi tempat kosong berdasarkan jawapan yang diberikan.
2. Apakah cita-cita anda?
3. Bagaimanakah cara Farah mencapai cita-citanya?

3.4.1

Menulis untuk melengkapkan ayat dan perenggan dengan menggunakan perkataan dan frasa yang sesuai.



## Penilaian 23

Senaraikan produk yang dapat dihasilkan daripada pokok mengkuang.

TEMA

8





Mendengar dan Bertutur

### Tokoh Usahawan

Puan Maznah, Puan Chua dan Encik Ravi ialah usahawan yang berjaya. Banyak ujian dan pengalaman yang dilalui oleh mereka sebelum melakar kejayaan.

### Ciri-ciri Usahawan Berjaya

Bersabar

Berwawasan

Bersikap positif

Berani mengambil risiko

Memilih perniagaan yang diminati



## Perkhidmatan Perniagaan

Puan Maznah berasal dari Banting, Selangor. Beliau ialah usahawan catering yang berjaya. Beliau kini **meraih pendapatan** RM500 000.00 sebulan hanya dengan perkhidmatan catering yang disediakan.



### Perkhidmatan yang disediakan:

- Majlis perkahwinan.
- Majlis korporat.
- Majlis hari lahir.
- Tempahan meja dan kerusi.
- Sistem siar raya.

Perkhidmatan dobi yang diusahakan oleh Encik Ravi dibuat secara **berdikit-dikit**. Beliau memulakan perniagaan dengan sebuah kedai kecil. Kini, perniagaan dobi beliau mempunyai 20 cawangan. Encik Ravi berasa bangga kerana perkhidmatan dobinya telah berkembang maju.



### Perkhidmatan yang disediakan:

- Cucian kering.
- Cucian biasa.
- Cucian tangan.
- Mengering dan menggosok.



Puan Chua pernah bekerja di sebuah salun kecantikan sebelum membuka perniagaan sendiri. Menurut Puan Chua, ketika itu pendapatan sebagai pekerja salun tidak mencukupi untuk **menyara** keluarganya. Oleh itu, beliau mengambil keputusan untuk membuka perniagaan sendiri.

### Perkhidmatan yang disediakan:

- Rawatan kulit muka.
- Sauna herba.
- Rawatan kuku, tangan dan kaki.
- Urutan aromaterapi.
- Gunting dan cuci rambut.
- Mekap.



### Aktiviti

1. Berikan maksud perkataan yang berhuruf tebal.
2. Senaraikan perkhidmatan perniagaan Puan Maznah, Encik Ravi dan Puan Chua dalam peta pemikiran (peta pokok).



**DOBI RAVI**

Ravi  
010-1234567

Kami beroperasi setiap hari. Kunjungi:  
No.1, Jalan Lunas, Taman Emas,  
09111 Kulim, Kedah.

**Menyediakan perkhidmatan:**

- Cucian biasa.
- Cucian tangan.
- Mengering.
- Cucian kering.
- Menggosok.
- Ambil dan hantar.

KEDAI **DOBI Ravi** **24**  
Cucian Layan Diri **Jam**

Frasa Nama	Frasa Kerja
1.	1.
2.	2.
3.	3.



**Aktiviti**

Tulis maklumat berdasarkan frasa yang diberikan dalam satu perenggan.



## Penilaian 24

- A. Ibu Swee Ling, Puan Wendy mempunyai sebuah kedai gunting rambut. Semasa cuti sekolah, Swee Ling sering membantu ibunya membersihkan peralatan di kedai tersebut. Senaraikan peralatan menggantung rambut yang anda tahu.



B. Lengkapkan peta pemikiran di bawah berdasarkan risalah.

# Pakej Perkahwinan



## MENU TETAMU

- Nasi beriani/Nasi minyak
- Nasi putih
- Ayam masak merah/ Ayam berempah
- Daging masak hitam/ Daging beriani
- Dalca sayur/ Masak lemak nanas
- Buah oren/Minuman kordial



## KELENGKAPAN DEWAN

- Pelayan beruniform
- 1 meja makan beradab
- 16 meja tetamu berlapis berserta sarung kerusi dan reben (1 meja, 8 kerusi)
- 2 meja VIP
- 2 meja bufet
- 1 meja kek



## JURUGAMBAR

- 1 sesi fotografi tanpa had
- 1 bingkai 12R
- 1 DVD semua gambar

## HIDANGAN PENGANTIN 1 SET

- Ayam pengantin
- Udang pengantin
- Ikan siakap bercili
- Puding buah
- Menu asas



## SET PELAMIN

- Tirai pelamin 20 hingga 30 kaki
- Baju persandingan lelaki dan perempuan berserta aksesori
- Mekap
- Pintu gerbang
- 6 laluan karpet merah

## PERCUMA

- 2 unit meja VIP
- Kek dua tingkat
- Fotografi

### Pakej Perkahwinan

Menu

---

---

---

---

---

Kelengkapan Dewan

---

---

---

---

---

Set Pelamin

---

---

---

---

---





## Jom Berkomunikasi

A. Lakonkan dialog di bawah.

Anuar dan Syamsul pergi ke karnival usahawan untuk mencari maklumat tentang kasut manik. Semasa berada di sana, mereka bertemu dengan pengusaha kasut manik yang berjaya, Puan Masni.

Anuar: Bagaimanakah puan mendapat idea untuk menghasilkan kasut manik ini?

Puan Masni: Saya bermula dengan belajar membuat kasut manik sebagai kerja sampingan di rumah. Kemudian, saya mendalami cara-cara membuat sulaman kasut manik sebagai punca rezeki.

Syamsul: Kasut manik ini sangat cantik dan kemas.

Puan Masni: Terima kasih.

Anuar: Puan menjahit manik pada kasut sahaja?

Puan Masni: Tidak. Saya juga menjahit manik pada baju, tudung, skaf dan dompet.

Anuar: Terima kasih Puan Masni kerana telah memberi kami banyak maklumat.

Puan Masni: Sama-sama.



B. Hasilkan sekeping kad undangan perkahwinan mengikut kreativiti anda.

TEMA

8



# TEMA 9

## SENI MEMPERTAHANKAN DIRI

*Malang tidak berbau.*

*Badan cergas otak sehat.*

*Alah bisa tegal biasa.*



### Mendengar dan Bertutur

TEMA

9

## Kepentingan Seni Silat



IMBAS SAYA

Fakri, Harjit dan Lim menghadiri taklimat tentang kepentingan mempelajari seni silat. Taklimat tersebut banyak memberikan maklumat kepada mereka.

### Isi Penting

- aktiviti riadah
- berkeyakinan diri
- mendisiplinkan diri
- hormat-menghormati
- mempertahankan diri



### Aktiviti

Apakah yang anda faham tentang seni silat? Huraikan.





## Aku dan Silat

Seni silat payung pusaka  
Mula dipelajari sebelum merdeka  
**Amanat** tok guru diturut belaka  
Semangat membara pantang derhaka.

Seni silat sentiasa dipuji  
Penuh tradisi pertahanan diri  
Kemas **pencak** si putera-puteri  
Sedia membela **ibu pertiwi**.

Seni silat seni warisan  
Penuh **tradisi** dan wawasan  
Nilai murni asas landasan  
Jadi pedoman tiap gagasan.

Seni silat warisan Melayu  
Hormat **muafakat** semat di kalbu  
Taat setia dipelihara selalu  
Jadi sanjungan budaya Melayu.



### Aktiviti

Berikan maksud frasa **amanat**, **pencak**, **ibu pertiwi**, **tradisi** dan **muafakat**.

Membaca secara mekanis/berisyarat dengan betul.



# Persembahan Seni Silat

**Tarikh:** 26 Ogos 20

**Masa:** 5:00 petang

**Tempat:** Gelanggang  
Taman Melewar

### Atur cara program:

- Persembahan silat.
- Pendaftaran anggota silat yang baharu.
- Pelancaran Kamus Silat.



Kamal, Adrian dan Karmila ialah anggota seni silat. Mereka belajar silat untuk mempertahankan diri. Silat adalah antara seni mempertahankan diri yang mampu membentuk jati diri serta memupuk semangat saling menghormati. Seni silat juga ialah warisan bangsa yang perlu dipelajari. Oleh sebab itu, mereka mempelawa rakan-rakan dan jiran tetangga untuk belajar silat.

Salam sejahtera tuan-tuan dan puan-puan,  
Tujuan perjumpaan ini adalah untuk mempelawa \_\_\_\_\_

---

---

---

---

---

---

---


---

---

---

 **Aktiviti**

Berdasarkan pernyataan yang diberikan, bina ayat hebahan yang betul dan tepat.

 **3.5.2** Menulis ayat untuk hebahan dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang betul dan tepat.



## Penilaian 25

Labelkan pakaian seragam seni silat di bawah.



TEMA

9





### Mendengar dan Bertutur

## Kelab Silambam

Cikgu Siva menyampaikan maklumat tentang faedah mempelajari silambam.

Jangan lepaskan peluang. Segeralah mendaftar sebagai anggota kelab seni mempertahankan diri silambam.

Faedah mempelajari seni silambam:

- menambah kenalan.
- menyihatkan tubuh badan.
- melindungi diri daripada bahaya.
- memajukan diri dalam bidang kokurikulum.
- meningkatkan keyakinan diri dan keberanian.



### Aktiviti

Sediakan teks ucapan tentang faedah menyertai kelab silambam.



# Silambam

**Silambam** ialah seni mempertahankan diri yang berasal dari Bukit Kurinji, India. Silambam dipanggil *silambattam* atau *chilambam* dalam kalangan kaum India. Seni bela diri ini berasaskan pertempuran tongkat. Penduduk tempatan menggunakan tongkat buluh bagi mempertahankan diri daripada haiwan buas.

Panjang **tongkat silambam** lebih kurang 1.68 meter. Panjang tongkat itu diukur dari tapak kaki hingga kebing setiap pemain. Tongkat silambam dibuat daripada buluh keras yang tidak terbelah dengan ukur lilit kira-kira 3 cm. Buluh ini akan direndam di dalam air. Seterusnya, buluh tersebut akan dibanting di atas permukaan air. Proses ini dilakukan untuk menguji kelasakan, ketahanan dan kelenturannya.

**Gerakan seni silambam** ini dapat dibentuk berdasarkan taktik, teknik dan aksi pergerakan haiwan. Haiwan tersebut seperti harimau, ular, buaya, burung dan gajah yang berkelahi. Taktik dan teknik haiwan tersebut telah diubah suai mengikut keperluan dan kebolehan untuk mempertahankan diri.



IMBAS SAYA



## Aktiviti

Huraikan kefahaman anda tentang perkataan yang berhuruf tebal.



Penubuhan Persatuan Silambam Malaysia pada tahun 1976 telah memberikan peluang kepada orang ramai untuk menyertai seni bela diri ini. Kini, silambam telah berkembang menjadi sukan olahraga yang dipelajari oleh peminat seni bela diri tanpa mengira kaum. Silambam juga telah dimasukkan sebagai acara dalam Sukan Malaysia (SUKMA) bermula pada tahun 2010 yang berlangsung di Melaka.

(Sumber: [ethnicrelation.blogspot.com](http://ethnicrelation.blogspot.com))





# Peraturan Silambam

## Gelanggang

1

Gelanggang silambam berbentuk bulat. Terdapat dua bulatan yang berdiameter 24 kaki.

## Bilangan Peserta

2

Dua orang peserta (seorang memakai tali pinggang merah dan seorang lagi memakai tali pinggang hijau).

## Peraturan Umum

3

1. Pemain hendaklah sentiasa bergerak dan menggerakkan kayu secara bulatan sehingga ke akhir pertandingan.
2. Pukulan-pukulan yang kuat dan membahayakan tidak dibenarkan.

## Sasaran Larangan

4

1. Bahagian kepala, leher dan muka.
2. Bahagian pinggang hingga ke paha.
3. Dari hujung jari hingga ke siku.

## Pusingan

5

Terdapat tiga pusingan untuk setiap peserta.

## Pemarkahan

6

Satu mata akan dipungut oleh peserta lawan sekiranya menyentuh bahagian yang bukan sasaran larangan.



## Aktiviti

Buat buku skrap berdasarkan maklumat yang diberikan.



membuka langkah



mengerakkan kayu

## Gerakan Seni Silambam



menyerang



mempertahankan diri



## Penilaian 26

Bincangkan persamaan dan perbezaan antara silambam dengan silat.

TEMA

9





### Mendengar dan Bertutur

## Kenali Wusyu

Cikgu Tang berbual-bual dengan murid-muridnya tentang seni mempertahankan diri wusyu. Murid-muridnya hendak mengetahui dengan lebih lanjut tentang wusyu. Cikgu Tang cuba membetulkan persepsi mereka.

Cikgu Tang: Mengapakah kamu tidak berminat dengan seni bela diri wusyu?

Aryan: Saya takut tercedera, cikgu. Bukankah wusyu sukan lasak?

Cikgu Tang: Kamu kena cuba dahulu, Aryan. Belum cuba, belum tahu.

Memanglah pergerakan dalam wusyu sangat lasak, tetapi tidak memudaratkan kamu.

Jian: Memang betul, cikgu. Dahulu, saya takut hendak menceburi seni mempertahankan diri. Sekarang, saya lebih berani.

Vinod: Bukankah wusyu hanya untuk kaum Cina sahaja?

Cikgu Tang: Kamu silap, Vinod. Semua orang boleh menyertai sukan ini.

Wusyu sudah menjadi satu acara sukan bertaraf antarabangsa.

Jian: Bagaimanakah caranya, cikgu?

Cikgu Tang: Kamu boleh menyertai kelab wusyu. Jika kamu menjadi anggota kelab wusyu, kamu bukan sahaja belajar kesenian wusyu tetapi belajar mendisiplinkan diri. Kamu kena rajin berlatih supaya menjadi jaguh wusyu seperti Yeap Wai Kin dan Diana Bong.

Vinod: Kalau begitu, saya hendak menjadi anggota kelab wusyu. Bolehlah saya belajar seni bela diri wusyu di sekolah.

Aryan: Saya juga hendak menjadi anggota kelab wusyu, cikgu.

Cikgu Tang: Baguslah. Nanti cikgu daftarkan nama kamu untuk mengikuti latihan wusyu.

Aryan: Terima kasih, cikgu.

Cikgu Tang: Sama-sama.



### Aktiviti

Berikan pendapat anda berpandukan maklumat di atas.



Mengampaikan isi dan fakta tentang sesuatu perkara dengan betul dan jelas menggunakan ayat yang gramatis.



# Sukan Wusyu

Wusyu adalah antara sukan yang **terkenal** di seluruh dunia. Seni bela diri ini berasal dan dibangunkan dari negara China. Mengikut sejarahnya, wusyu digunakan untuk melindungi diri daripada ancaman musuh dan binatang buas.

Kini, wusyu menjadi sukan yang dipertandingkan dalam **temasya besar** seperti Sukan Asia dan kejohanan sukan antarabangsa. Keunikannya yang tersendiri menjadikan wusyu **sukan ekstrem** yang menarik untuk dipelajari. Terdapat pelbagai **elemen** ditekankan dalam proses menguasai wusyu termasuk kepantasan, ketahanan dan ketenangan.

Seni bela diri wusyu berdepan dengan **perubahan** mengikut masa. Wusyu tradisional dibahagikan kepada pelbagai jenis yang dipengaruhi oleh tradisi, budaya dan geografi. Di Malaysia, wusyu menjadi antara seni mempertahankan diri yang **popular** dalam kalangan generasi muda. Malaysia berjaya melahirkan **atlet-atlet** muda wusyu yang menyerlah dalam arena antarabangsa.







Wusyu tanpa senjata.

Wusyu semakin diterima dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Buktinya, dua orang gadis Melayu, Nor Azira binti Kamarudzaman dan kakaknya, Nor Eliya binti Kamarudzaman mempelajari seni mempertahankan diri wusyu. Mereka ialah murid Melayu pertama yang menyertai Persatuan Wusyu, Tarian Naga dan Singa Melaka. Mereka kerap mendapat jemputan menyertai pertandingan di seluruh negara. Selain dapat mempertahankan diri dalam keadaan tertentu, wusyu juga menjadikan mereka lebih berdisiplin dan bijak menguruskan waktu.

Banyak ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke pusat latihan wusyu. Mereka percaya sukan ini dapat **membentuk keperibadian** dan disiplin yang baik dalam diri anak-anak.

(Sumber: Diubah suai daripada [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my) dan [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my))



Wusyu berserta senjata.



## Aktiviti

Dengan merujuk kamus, berikan maksud perkataan yang berhuruf tebal.



Membaca untuk memahami maksud perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ayat.



## Ratu Wusyu Negara

Ratu wusyu negara, Diana Bong Siong Lin dilahirkan pada 5 September 1985, di Kuching, Sarawak. Gadis berbangsa Cina ini mula berjinak dalam seni bela diri sejak di bangku sekolah, iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Tapang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Lintang, Kuching, Sarawak.

Atlet ini meraih pingat emas dalam acara *nanquan-nandao-nangun* wanita pada Sukan SEA di Thailand (2007), Laos (2009) dan Myanmar (2013). Dalam Sukan SEA 2015 di Singapura, beliau memenangi pingat perak.

Beliau berjaya mencapai impiannya untuk muncul sebagai juara pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 apabila merangkul pingat emas dalam acara *nanquan* wanita. Penglibatannya dalam sukan wusyu tidak menghalang Diana Bong Siong Lin melanjutkan pelajaran dalam bidang yang diminatinya. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat dari Universiti Putra Malaysia.

Sepanjang penglibatannya dalam sukan wusyu ini, Diana Bong Siong Lin telah menerima pelbagai anugerah khas. Antara anugerah tertinggi diterimanya termasuklah Anugerah Atlet Wanita Terbaik dan Anugerah Sukan Negara. Selain itu, beliau juga pernah menerima Anugerah Khas Universiti Putra Malaysia (2008, 2009, 2011, 2012 dan 2013), Anugerah Atlet Terbaik Persatuan Penulis-penulis Sukan Malaysia (SAM) (2013) dan Anugerah Ikon Belia Sarawak (2015).

(Sumber: [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my))



### KAMUSMINI

<i>nanquan</i>	pukulan wusyu yang kuat dan keras (tanpa senjata)
<i>nandao</i>	wusyu yang menggunakan pedang dengan aksi yang kuat dan keras
<i>nangun</i>	wusyu yang menggunakan kayu yang panjang
<i>taijjian</i>	wusyu yang menggunakan pedang lurus
<i>jiانشu</i>	wusyu yang menggunakan senjata dengan gerakan pantas
<i>qiangshu</i>	wusyu yang menggunakan lembing
<i>taijiquan</i>	wusyu tanpa senjata dengan gerakan seperti bertinju

# Borang Biodata Atlet

## A. MAKLUMAT PERIBADI

1. Nama:
2. Tarikh lahir:
3. Keturunan:
4. Pekerjaan:

## B. PENDIDIKAN

1. Pendidikan menengah:
2. Pendidikan tinggi:

## C. PENCAPAIAN

1. Nama sukan:
2. Pencapaian:
  1.
  2.
  3.
  4.
  5.

## D. ANUGERAH YANG DITERIMA

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_



### Aktiviti

Lengkapkan borang biodata atlet berpandukan maklumat yang diberikan.



## Penilaian 27

Lengkapkan jadual berpandukan maklumat yang diberikan.




**KUALA LUMPUR**, 23 Ogos – Skwad wusyu Malaysia berjaya mengakhiri temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL 2017) dengan merangkul enam pingat emas, lima pingat perak dan tiga pingat gangsa. Semua acara yang dipertandingkan ini diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Atlet Malaysia berjaya mempamerkan aksi yang terbaik. Yeap Wai Kin merangkul pingat emas dalam acara *jianshu* lelaki dengan mengumpul 9.67 mata dan *qiangshu* dengan 9.68 mata. Loh Jack Chang pula menyumbangkan dua lagi pingat emas dalam acara *taijijian* dan *taijiquan* lelaki.

Dalam acara *nanquan* lelaki, Ho Mun Hua merangkul pingat emas dengan mengumpul 9.67 mata. Beliau juga memenangi pingat gangsa dalam acara gabungan *nandao-nangun* lelaki. Wong Weng Soo pula menyumbangkan dua pingat perak acara *jianshu* dan *qiangshu* lelaki. Khaw Jun Lim memperoleh pingat gangsa bagi acara gabungan *daoshu-gunshu* lelaki.

Peserta wanita juga tidak kurang hebatnya apabila Diana Bong Siong Lin memenangi pingat emas dalam acara *nanquan* dengan 9.66 mata. Pingat perak disumbangkan oleh Phoon Eyin dalam acara *qiangshu* dan *jianshu*. Selain itu, Loh Ying Ting memenangi pingat perak acara *gunshu*. Audrey Chan Yee Jo pula memperoleh pingat gangsa acara *taijijian*.

(Sumber: [www.bharian.com](http://www.bharian.com))

Bil.	Acara	Nama Atlet	Pingat		
					
1.	<i>Jianshu</i> (lelaki)				
2.	<i>Qiangshu</i> (lelaki)				
3.	<i>Taijijian</i> (lelaki)				
4.	<i>Taijiquan</i> (lelaki)				
5.	<i>Nanquan</i> (lelaki)				
6.	<i>Nanquan</i> (wanita)				
7.	<i>Daoshu-gunshu</i> (lelaki)				
8.	<i>Taijijian</i> (wanita)				
9.	<i>Nandao-nangun</i> (lelaki)				
10.	<i>Jianshu</i> (wanita)				
11.	<i>Gunshu</i> (wanita)				
12.	<i>Qiangshu</i> (wanita)				



## Jom Berkomunikasi

A. Lakonkan dialog di bawah.

Alya ingin mengikuti kelas karate yang dianjurkan oleh kelab seni mempertahankan diri karate. Dia mencari maklumat tentang kelas karate dalam laman web yang berkaitan. Dia segera menghubungi nombor telefon yang tertera untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang kelas tersebut.

Selamat pagi. Saya Alya. Saya berminat untuk belajar seni mempertahankan diri karate seperti yang diiklankan. Saya ingin mendapatkan maklumat lanjut. Apakah syarat untuk mengikuti kelas tersebut?

Selamat pagi, Cik Alya. Terima kasih kerana berminat untuk belajar karate. Syarat utama mestilah mendaftar sebagai anggota kelab. Borang pendaftaran boleh dimuat turun dalam laman web kami.

Sama-sama.

Terima kasih, encik. Saya akan segera mengisi borang secara dalam talian di laman web yang disediakan.



## Jom Berkomunikasi

B. Huraikan faedah mempelajari seni mempertahankan diri berdasarkan petikan. Bincang bersama-sama dengan rakan anda.

TEMA

9



Mutakhir ini, kadar jenayah di negara kita kian meningkat sehingga mencapai tahap yang membimbangkan. Saban hari kita sering mendengar berita tentang kes ragut, rompak dan sebagainya melalui media massa seperti radio, televisyen, surat khabar dan Internet. Kemelut ini berlaku di mana-mana sahaja, sama ada di bandar atau di luar bandar.

Oleh sebab itu, seni mempertahankan diri seperti silat, wusyu, tekwando, karate dan silambam ialah satu wadah untuk mempertahankan diri yang sangat disarankan. Banyak faedah apabila mempelajari seni mempertahankan diri. Antaranya termasuklah melindungi diri daripada ancaman bahaya seperti kes yang tersebut di atas. Selain itu, seni mempertahankan diri juga dilihat sebagai satu senaman untuk menjaga kesihatan tubuh badan.

Belajar seni mempertahankan diri dapat memupuk nilai murni, seperti baik hati, bekerjasama dan sebagainya. Tahukah anda bahawa seni mempertahankan diri juga boleh dijadikan wadah untuk bersosial dan menambah kenalan?

Kesimpulannya, banyak faedah dan kebaikan jika kita mempelajari seni mempertahankan diri. Janganlah pula beranggapan bahawa seni mempertahankan diri tidak sesuai lagi pada zaman moden ini.

# Glosari

*akademik* 1. mengenai atau berkaitan dengan akademi (pusat pengajian tinggi);  
2. bersifat atau mengandungi ilmu pengetahuan (yang tinggi atau mendalam).

*aksesori* 1. bahagian yang merupakan tambahan kepada sesuatu alat dan lain-lain (bukan sesuatu yang perlu ada padanya), contohnya aksesori kereta;

2. barang yang melengkapi pakaian seseorang, terutamanya wanita, seperti beg tangan, kasut, rantai dan sebagainya.

*automatik* sesuatu yang bergerak atau melakukan sesuatu dengan sendirinya (alat atau mesin).

*automotif* kenderaan bermotor.

*dana* wang yang dikumpulkan untuk sesuatu tujuan.

*dedikasi* kesungguhan diri, masa, sepenuhnya kepada sesuatu tujuan tertentu (kerjaya dan lain-lain).

*duti import* cukai barangan import.

*ekstrem* keterlaluan, melampau.

*etika* nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan (persatuan, pekerjaan dan sebagainya).

*elemen* sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan.

*evolusi* 1. perubahan secara beransur-ansur pada haiwan atau tumbuhan, daripada satu generasi kepada generasi lain;

2. perkembangan secara beransur-ansur, terutamanya pada bentuk yang lebih kompleks.

*inovasi* sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat dan lain-lain yang baharu.

*infrastruktur* kemudahan dan perkhidmatan asas (seperti kemudahan pengangkutan, pendidikan, kesihatan, bekalan kuasa elektrik dan pelbagai kemudahan lain yang diperlukan untuk pembangunan dan pertumbuhan sesebuah negara, masyarakat, organisasi dan sebagainya), prasarana.

*intervensi* campur tangan dalam urusan antara dua pihak (orang, negara, golongan) lain.

*karnival* pesta besar-besaran biasanya disertai oleh perarakan.

*khazanah* 1. barang-barang kepunyaan, harta benda, kumpulan (himpunan) sesuatu;  
2. tempat menyimpan harta benda (kitab-kitab dan lain-lain).

*komponen* bahagian yang menjadikan sesuatu (seperti enjin, pesawat, alat) lengkap atau sempurna.

*kondusif* sesuai, baik dan sebagainya untuk membantu mencapai atau mendorong menghasilkan sesuatu.

*kontraktor* orang atau syarikat yang mengikat kontrak untuk menjalankan sesuatu perkhidmatan, membekalkan bahan atau buruh, terutamanya untuk kerja pembinaan.

*legum* jenis tumbuhan yang biji buahnya terkandung di dalam kekacang.  
*loosen* sejenis cecair yang disapukan pada kulit, dititikkan ke dalam mata dan sebagainya, losen yang dicipta khas untuk disapukan pada bayi (badan, tangan).

*manfaat* faedah, guna.  
*mutakhir* akhir-akhir ini, terakhir.

*obesiti* kegemukan yang disebabkan terdapatnya lemak yang berlebihan.

*persepsi* gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan.

*piawaian* sesuatu yang telah ditetapkan untuk menjadi asas bagi penentuan atau penilaian sesuatu (ukuran, timbangan, mutu).

*popular* disukai, digemari, terkenal.

*potensi* kemampuan (mencapai, menghasilkan atau melakukan sesuatu), kebolehan, kekuatan, kesanggupan, keupayaan untuk berkembang maju.

*prasarana* kemudahan dan perkhidmatan asas.

*premis* bangunan dan kawasan tempat diuruskan perniagaan.

*produk* sesuatu barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh kilang atau ditawarkan oleh institusi.

*promosi* segala usaha dan kegiatan untuk menggalakkan atau mempertingkatkan jualan barang (eksport, pelancongan dan sebagainya).

*regata* perlumbaan perahu kayuh atau perahu layar.

*rekreasi* kegiatan yang menyeronokkan untuk menyegarkan kesihatan badan dan melapangkan fikiran, seperti beristirahat dan menghiburkan hati.

*risalah* surat edaran, brosur.

*seantero* seluruh, segenap.

*spesifikasi* butiran terperinci yang ditentukan atau dinyatakan untuk sesuatu produk atau perkhidmatan.

*strategi* rancangan yang teratur (yang memperhitungkan pelbagai faktor) untuk mencapai matlamat atau kejayaan.

*transformasi* perubahan bentuk (sifat, rupa, keadaan dan lain-lain).

*transmisi* sistem gear pada kereta dan sebagainya yang menghantar kuasa daripada enjin untuk memutar roda kenderaan.

*trek* lorong untuk lumba lari, lumba kereta dan sebagainya.

*wadah* medan atau saluran untuk menyampaikan sesuatu.



# Senarai Rujukan

Amzah Abd. Malek, 2007. *Pergerakan Pengakap Malaysia*. Batu Caves: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maruwiah Ahmat, 2012. *Buku Siri Budaya Warisan Malaysia*. Shah Alam: Get Smart Publications.

Nazaruddin Ramli, 2005. *Koko dan Coklat: Sumber, Pemprosesan, Nilai Pemakanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim, *et al*, 2013. *Tatabahasa Dewan (Golongan Kata)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahrul Anuar Nasarah dan Ahmad Shahar Nasarah, 2015. *Siri Panduan Permainan Tradisional Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Laman web

<https://www.athirahassin.com/>

<http://www.myhealth.gov.my/panduan-membaca-label-makanan/>

<https://protoncar.wordpress.com/2010/12/04/history-of-proton-malaysia/>

<https://www.kpdnkk.gov.my/kpdnkk/>

<https://www.penerangan.gov.my/>

<http://www.perodua.com.my/>

<https://www.proton.com/>

<http://www.programpermata.my/bm/kurnia>

<http://www.pengakapmalaysia.org>

<https://www.tourism.gov.my/>

# Indeks

## A

automatik, 33  
automotif, 24, 28  
autisme, 62, 63, 64, 65

## D

dana, 144  
dedikasi, 4  
doh, 140

## E

etika, 2

## F

fantasi, 98

## I

inovatif, 24  
intervensi, 64

## K

kereta, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29,  
30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40  
komponen, 28, 29  
kolaborasi, 63

## L

legum, 58

## M

mekanik, 28, 29

## R

regata, 43  
rekreasi, 41, 42  
riadah, 41, 53  
risalah, 67  
roda, 98

## S

senamrobik, 53  
silambam, 167, 168, 169, 170, 171, 172, 180  
silat, 162, 163, 164, 165, 166, 172, 180  
stoking, 2

## P

padi, 93  
pameran, 22  
pengakap, 47, 49, 51  
pemurah, 74  
positif, 63  
potensi, 64  
pemrosesan, 83  
PKS, 82, 83, 84, 85, 86, 87

## T

tempatan, 102, 103, 107, 108, 109, 110  
tradisional, 122, 124, 125, 128, 130, 131

## W


warisan, 127, 133  
wusyu, 173, 174, 175, 176, 178, 180

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

<b>Skim Pinjaman Buku Teks</b>			
<b>Sekolah</b> _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima
Nombor Perolehan: _____			
Tarikh Penerimaan: _____			
<b>BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL</b>			



ISBN 978-983-49-2090-6



9 789834 920906

FTK013001